8	Pen. Pegawai Undang2	N29	2	-	-	-	2	-
9	Pemb. Tadbir Kanan	N22	1	-	-	-	1	-
10	Pembantu Tadbir (KUP)	N22	2	-	-	-	2	-
11	Pembantu Tadbir	N19	4	-	1	-	5	-
12	Penghantar Notis	N11	2	-	-	-	2	-
13	Pembantu Operasi	N11	-	-	1	-	1	-
14	Pembantu Awam	H11	1	-	3	-	4	-
<b>JUMLAH</b>			<b>17</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>-</b>	<b>23</b>	<b>1</b>

### SENARAI KEDUDUKAN PERJAWATAN DI JABATAN UNDANG-UNDANG

Bil	Jawatan	Gred	Tetap		Kontrak		Jumlah	
			Isi	Kosong	Isi	Kosong	Isi	Kosong
1	Pen. Pegawai Undang2 Kanan	L32	1	-	-	-	1	-
2	Pembantu Tadbir Undang2 (KUP)	L22	3	-	-	-	3	-
3	Pembantu Tadbir Undang2 (KUP)	LA22	2	-	-	-	2	-
4	Pembantu Tadbir	N19	1	-	-	-	1	-
5	Pembantu Tadbir Undang2	LA19	1	-	-	-	1	-
6	Pembantu Tadbir Undang2	L19	-	1	-	-	-	1
7	Pembantu Operasi	N11	1	-	-	-	1	-
<b>JUMLAH</b>			<b>9</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>9</b>	<b>1</b>

## PERANAN DAN FUNGSI JABATAN

### 2. PERANAN / FUNGSI JABATAN

#### i. Fungsi Jabatan

Jabatan Undang-Undang bertanggungjawab memberi nasihat perundangan, membuat dan menggubal undang-undang kecil untuk Majlis, menyemak semua dokumen perundangan dan surat perjanjian serta menguatkuasakan undang-undang di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Antara tugas lain di Jabatan Undang-Undang ialah menyelaras kes sivil yang dibawa oleh dan terhadap MPSP, serta bantuan prosiding Mahkamah Municipality.

#### ii. Objektif Jabatan

Memastikan warga Seberang Perai benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi, menghargai dan menghormati undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai.

#### iii. Undang-Undang/peraturan yang digunakan :

Memastikan warga Seberang Perai benar-benar mengetahui, memahami, mematuhi, menghargai dan menghormati undang-undang Majlis Perbandaran Seberang Perai.

- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
- Akta Perancangan Bandar & Desa 1976
- Akta Makanan 1983
- Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Akta Zon Bebas 1990
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Warisan Kebangsaan 2015

## UNDANG-UNDANG KECIL, KADEAH, PERINTAH DAN ENAKMEN YANG TELAH DIWARTAKAN

- Undang-Undang Kecil Kedai Makanan Dan Kedai Kopi Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1974
- Undang-Undang Kecil Perniagaan Yang Merbahaya, Tidak Sihat Atau Yang Mengganggu Dan Setal-setal, Kerajaan Tempatan, Seberang Perai 1974
- Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1977
- Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung) Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Rumah Urut) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1978
- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan 1980

- Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1980
- Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan, 1981
- Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai, 1982
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986
- Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Iklan Pilihanraya) (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1993
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994
- Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Seberang Perai, 2001
- Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016
- Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2017
- Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990
- Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan) 1989
- Kaedah-Kaedah Rancangan Tempatan 1989
- Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan (Pulau Pinang) 2015
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 dan Peraturan-Peraturan Hiburan (Pulau Pinang) 2001
- Enakmen Kebebasan Maklumat 2010
- Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011
- Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991
- Perintah Majlis Perbandaran Seberang Perai, Padang Kereta (Peruntukan Am) 1983
- Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995
- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan Dan Tatatertib) 1995

**NOTA:**

Sehingga kini masih terdapat tiga (3) Undang-Undang Kecil yang masih dalam proses untuk semakan di peringkat Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

1. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2010
2. Undang-Undang Kecil Establisemen Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2010
3. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2010

## LAPORAN PRESTASI UNIT PENTADBIRAN

### A. TUGAS-TUGAS UNIT PENTADBIRAN :

Unit ini ditugaskan menguruskan pentadbiran am Jabatan seperti:

- Menguruskan inventori Jabatan,
- Menyelenggara rekod cuti dan tatatertib kakitangan Jabatan Undang-undang dan Mahkamah Munisipal,
- Menguruskan bil-bil Jabatan,
- Menguruskan belanjawan Jabatan,
- Mengendalikan aduan Jabatan,
- Menguruskan maklumbalas Jabatan
- Mengurus dan menyelenggara fail-fail Jabatan,
- Memantau pelaksanaan Piagam Pelanggan, Kualiti Jabatan dan Fokus Jabatan.
- Mengurus dan mengendalikan Panjar Wang Runcit Jabatan
- Menguruskan pergerakan kenderaan Jabatan
- Menguruskan latihan / kursus

### B. PENCAPAIAN UNIT PENTADBIRAN BAGI TAHUN 2017 & 2018

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian prestasi semua proses kerja yang telah dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran bagi Tahun 2017 & 2018 :-

BIL	PERKARA	JUMLAH	
		Tahun	
		2017	2018
1	Menyelenggara rekod cuti serta disiplin dan tatatertib untuk kakitangan Jabatan Undang-Undang termasuk Mahkamah.	1131 rekod	1153 rekod
2	Menguruskan inventori <ul style="list-style-type: none"><li>• Penyelenggaraan pengurusan stok</li></ul>	806 urusan	830 urusan
3	Mengurus bil-bil bayaran perbelanjaan Jabatan <ul style="list-style-type: none"><li>• Bayaran penginapan dan pengangkutan pegawai</li><li>• Bayaran pembelian buku, warta, majalah, dokumen perundangan</li><li>• Kes-kes rujukan otoriti</li><li>• Penyelenggaraan sistem “online” perundangan (Lawnet, MLJ &amp; CLJ)</li><li>• Pembayaran kepada Pembekal</li></ul>	68 bil (RM139,885.28)	93 bil (RM439,137.56)

BIL	PERKARA	JUMLAH	
		Tahun	
		2017	2018
4	Mengurus fail-fail aktif Jabatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ambil fail</li> <li>• Rekod minit</li> <li>• Tentukan jenis fail</li> </ul>	1,056 fail	578 fail
5	Surat-menyurat (surat keluar dan surat masuk) dan jawapan	10,174 surat	8,078 surat
6	Menguruskan aduan melalui Sistem Aduan MPSP dan surat	10 kes	2
7	Menguruskan latihan / kursus di Jabatan	28 kakitangan (316 kursus / latihan)	32 kakitangan (392 kursus / latihan)
8	Laporan butiran belian minyak (sebulan sekali)	12 kali (RM4,367.29)	12 kali (RM5357.48)
9	Maklumbalas mesyuarat	128 maklumbalas	167 maklumbalas
10	Menguruskan panel peguam MPSP	11 firma	13 firma

## LAPORAN PRESTASI UNIT PERJANJIAN

### A. TUGAS-TUGAS UNIT PERJANJIAN

1. Mendraf, menyediakan dan/atau menyemak dokumen perjanjian.

BIL	PERKARA	JUMLAH 2017	JUMLAH 2018
SENARAI PERJANJIAN UNTUK JABATAN-JABATAN DI MPSP (Tidak termasuk Perjanjian Penyewaan)			
1	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	6	12
2	Jabatan Khidmat Pengurusan	67	24
3	Jabatan Perbendaharaan	3	4
4	Jabatan Kemasyarakatan	6	73
5	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	5	6
6	Jabatan Pelesenan	8	2
7	Jabatan Kejuruteraan	130	113
8	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	13	8
9	Jabatan Undang-Undang	1	1

BIL	PERKARA	JUMLAH 2017	JUMLAH 2018
10	Jabatan Bangunan	3	2
11	Direktorat Penguatkuasaan	6	3
12	Jabatan Perancang Bandar	3	2
13	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-	-
14	Jabatan Lanskap	4	18
15	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	2	4
16	Jabatan Pengurusan Krisis	-	-
17	Unit Audit Dalaman	-	-
18	Unit One Stop Centre (OSC)	-	-
19	Unit Butterworth Baharu	-	-
20	Puspanita	-	2
<b>JUMLAH</b>		<b>257</b>	<b>253</b>

**NOTA:**

Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima.

(Sekiranya dokumen dihantar 2 minggu sebelum tamat tempoh atau selepas tamat 4 bulan, perjanjian hanya akan dimuktamadkan oleh Jabatan Undang-Undang dalam tempoh 2 bulan setelah dokumen diterima)

## LAPORAN PRESTASI UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG

### A. TUGAS-TUGAS UNIT PANDANGAN UNDANG-UNDANG:

- Memberi nasihat perundangan kepada MPSP.

BIL	PERKARA	JUMLAH 2017	JUMLAH 2018
NASIHAT PERUNDANGAN			
	Kekerapan nasihat perundangan yang dicatit di sini hanya berdasarkan pandangan undang-undang yang diberikan secara bertulis dan direkodkan dalam fail. Ianya tidak termasuk pandangan yang diberikan secara terus (perbincangan/percakapan) di pejabat atau semasa mesyuarat.		
1	Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa	6	-
2	Jabatan Khidmat Pengurusan	1	-
3	Jabatan Perpendaharaan	2	2
4	Jabatan Kemasyarakatan	-	-
5	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	1	3
6	Jabatan Pelesenan	3	8
7	Jabatan Kejuruteraan	1	1
8	Jabatan Perkhidmatan Perbandaran	3	1
9	Jabatan Undang-Undang	-	-
10	Jabatan Bangunan	1	4
11	Direktorat Penguatkuasaan	3	1
12	Jabatan Perancang Bandar	1	-
13	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan	-	-
14	Jabatan Landskap	1	3
15	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	-	1
16	Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi	1	-
17	Unit Audit Dalaman	-	-
18	Unit One Stop Centre (OSC)	-	3
19	Pejabat Tuan SUP	-	1
20	Pejabat Dato' YDP	3	-
21	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran & Kewangan	2	-
22	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan & Penguatkuasaan	1	-

BIL	PERKARA	JUMLAH 2017	JUMLAH 2018
23	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan & Pengindahan	1	-
24	Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Akaun	2	-
25	Mesyuarat Penuh	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>33</b>	<b>25</b>

## LAPORAN PRESTASI UNIT LEMBAGA RAYUAN

### A. TUGAS-TUGAS LEMBAGA RAYUAN:

- i. Menyediakan dan memuatnaik penyataan responden dan lampiran-lampiran ke dalam Sistem e-rayuan bagi kes-kes Lembaga Rayuan
- ii. Mengadakan perbincangan dengan saksi-saksi yang terlibat dengan kes-kes Lembaga Rayuan.
- iii. Menyediakan penyataan saksi-saksi untuk dikemukakan kepada panel Lembaga Rayuan.
- iv. Mewakili pihak responden (MPSP) bagi persidangan kes Lembaga Rayuan.

### B. PENCAPAIAN LEMBAGA RAYUAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Rayuan bagi tahun 2017 dan 2018.

#### LAPORAN KES SELESAI 2017

BIL	NO. RUJUKAN / NAMA KES	TARIKH KEPUTUSAN	STATUS
1	<u>LR/SP/14/2016</u> BUREESA SALAEMAE v MPSP	12/01/2017	Rayuan dibatalkan tanpa kos. Perayu gagal menghadiri pada tarikh 12/1/2017 untuk sebutan walaupun telah dimaklumkan.
2	<u>LR/SP/15/2016</u> SAIFUL AZLAN BIN SHARIF v MPSP	12/01/2017	Rayuan dibatalkan tanpa kos. Perayu gagal menghadiri pada tarikh 12/1/2017 untuk sebutan walaupun telah dimaklumkan.
3	<u>LR/SP/37/2015</u> <u>PRAI HANDLING &amp; PACKAGING SDN. BHD. v MPSP</u>	12/01/2017	<p>a) Dengan persetujuan Rayuan ini dibenarkan. Kebenaran merancang dibenarkan tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. Tiada perintah mengenai kos.</p> <p>b) Pihak-pihak diberi kebebasan memohon sekiranya terdapat apa-apa pertikaian berkenaan dengan tafsiran terma-terma atau syarat-syarat tersebut.</p>

BIL	NO. RUJUKAN / NAMA KES	TARIKH KEPUTUSAN	STATUS
4	<u>LR/SP/18/2016</u> LEE KIAN HOCK v MPSP	7/2/2017	Rayuan ditarik balik.
5	<u>LR/SP/19/2016</u> SHU LAY EE v MPSP	7/2/2017	Rayuan ditarik balik.
6	<u>LR/SP/12/2014</u> CHEAH POH LEE & 6 LAGI v MPSP	26/5/2017	Rayuan ditolak dengan kos. Sebanyak RM5,000.00 hendaklah dibayar oleh pihak Perayu kepada pihak Pemohon KM dan RM3,000.00 hendaklah dibayar oleh pihak Perayu kepada pihak Responden.
7	<u>LR/SP/1/2015</u> VILLA ACRES SDN. BHD. v MPSP	26/10/2017	Rayuan ditarik balik kerana kes telah diselesaikan oleh pihak-pihak yang terlibat.
8	<u>LR/SP/23/2016</u> ONG CHAI v MPSP	19/12/2017	Pemohon kebenaran merancang menarik balik rayuan untuk mengemukakan permohonan baru.

#### LAPORAN KES DALAM TINDAKAN 2017

BIL	NO. RUJUKAN / NAMA KES	TARIKH KEPUTUSAN	STATUS
1	<u>LR/SP/19/2014</u> MALTAG SDN. BHD. v MPSP	16/5/2017 (Sebutan)	Rayuan dalam proses.  Kes telah ditangguhkan pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan Proses Pelantikan Semula Pengurusi Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang sehingga 2019 masih tertangguh di peringkat Pejabat YB Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
2	<u>LR/SP/22/2015</u> KHOR KOK CHIANG & TAN BANG LING v MPSP	25/7/2017 (Bicara)	Rayuan dalam proses.
3	<u>LR/SP/34/2015</u> RAMESH A/L MALAPERUMAL & SHANTI K. SHANMUGAM v MPSP	24/7/2017 (Bicara)	Rayuan dalam proses.

BIL	NO. RUJUKAN / NAMA KES	TARIKH KEPUTUSAN	STATUS
4	LR/SP/36/2015 BANDAR HAN DEVELOPMENT SDN. BHD. v MPSP	16/6/2017 (Bicara)	Rayuan dalam proses.  Tarikh akan dimaklumkan kemudian (tarikh baru pada bulan Ogos)
5	LR/SP/9/2016 TAN BENG HOOI & TAN BENG HOCK v MPSP	25/7/2017 (Bicara)	Rayuan dalam proses.
6	LR/SP/1/2017 GOLDEN MEDIAN DEVELOPMENT SDN. BHD. v MPSP	16/5/2017 (Sebutan)	Rayuan dalam proses.  Kes telah ditangguhkan pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan Proses Pelantikan Semula Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang sehingga 2019 masih tertangguh di peringkat Pejabat YB Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
7	LR/SP/6/2017 ABDUL RAHMAN BIN ABU BAKAR & 4 ORANG LAGI v MPSP		Rayuan dalam proses.
8	LR/SP/8/2017 JAMIL BIN YUSOH & KASMAWATI BINTI CHE OSMAN & 14 ORANG LAGI v MPSP		Rayuan dalam proses.
9	LR/SP/12/2017 PHEH PING BOO & 5 ORANG LAGI v MPSP		Rayuan dalam proses.
10	LR/SP/14/2017 MAHZURIN BIN IBRAHIM v MPSP		Rayuan dalam proses.
11	LR/SP/18/2017 ST LAND SDN. BHD. v MPSP		Rayuan dalam proses.
12	LR/SP/20/2017 LEE LIM LENG v MPSP		Rayuan dalam proses.
13	LR/SP/21/2017 STEPHEN A/L AGANUMUTHU v MPSP		Rayuan dalam proses.

## SENARAI REKOD RAYUAN DARI 01/01/2018 HINGGA 31/12/2018

**PBT:** Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Status:** Rayuan dalam Proses

BIL	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
1	LR/SP/7/2018	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Keputusan No.Rujukan(70)dlm MPSP/70/39-41/70 Bagi Maksud Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Sebuah Pusat Penjaja Sediada Tanpa Kebenaran Merancang Dan Cadangan Membina Sebuah Pusat Penjaja Terbuka 1 Tingkat (Sementara 3 Tahun) Di Atas Lot 698, Mukim 11, Jalan Nangka Seberang Perai Tengah Pulau Pinang Untuk Tetuan Estewell Resources Sdn Bhd.	Helena Chin Ka Yie	03/05/2018	Rayuan dalam Proses
2	LR/SP/10/2018	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Keputusan Majlis Perbandaran Seberang Perai Yang Telah Meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang Pemohon, Tetuan Eco Meadows Development Sdn Bhd Untuk Cadangan Mendirikan 1 Unit Galeri Jualan 1 Tingkat (Sementara 3 Tahun) Di Atas Lot 20840 (Lot Lama Pt904), Jalan Paboi, Mukim 14, Seberang Perai Selatan Bertarikh 18.5.2018, No. Rujukan: MPSP/70/39-74/44 B.5 (24)	TETUAN SOON BEE NEOH SDN BHD	14/06/2018	Rayuan dalam Proses
3	LR/SP/11/2018	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Keputusan Mpsp Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sebuah Tokong Buddha Di Atas Lot 33, Jalan Guar Perahu, Mukim 3, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang Yang Mengandungi : Fasa 1 : 1 Blok Dewan Beribadat 3 Tingkat Beserta Ruang M&E Dan Service Di Tingkat Bawah Separa Fasa 2 : 1 Blok Pejabat 1 Tingkat Fasa 3 : 1 Blok Pejabat 1 Tingkat Fasa 4 : 1 Blok Ruang Beribadat 1 Tingkat Untuk Persatuan Ugama Buddha Kubang Semang, Seberang Perai	MD ANNUAR BIN AHMAD	02/07/2018	Rayuan dalam Proses

BIL	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
4	LR/SP/14/2018	S.23(1)(a)	Rayuan Terhadap Keputusan MPSP/70/39-75/42 B.1(Serentak) - Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Mendirikan:- 1. 506 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, 2. 24 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, 3. 164 Unit Rumah Kluster Kos Rendah 2 Tingkat (Hakmilik Strata) Dengan Kemudahan Masyarakat, 4. 1 Unit Tapak Surau, 5. 1 Unit Tapak Penjaja, 6. 1 Unit Dewan Orang Ramai, 7. 1 Unit Tapak Ribi, 8. 1 Unit Tapak Pencawang Elektrik (PPU), 9. 1 Unit Tapak Loji Rawatan Kumbahan (STP). Di Atas Lot-Lot 3409, 3410, 3411, 3412, 3413, 3414, 3415, 3416, 3417, 3418, 3419, 3420, 3421 Dan 3422, Mukim 15, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, Secara Serentak Dengan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204d, Ktn 1965 . Untuk : Tetuan Tppt Sdn. Bhd. [208360-D]	TPPT SDN BHD	31/07/2018	Rayuan dalam Proses
5	LR/SP/16/2018	S.23(1)(a)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Menukar Kegunaan Bangunan Kedai Pejabat 3 Tingkat Sediada Kepada Hotel Jimat/Bajet (16 Bilik), No. 14, Lorong Impian Ria 3, Taman Impian Ria, Di Atas Lot 10087, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah.	LAU CHENG WEI	27/08/2018	Menunggu Penyataan Responden
6	LR/SP/17/2018	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan Sebuah Pusat Pakar Perubatan 6 Tingkat Termasuk 1 Tingkat Mezzanine Dan 3 Tingkat Tempat Letak Kereta Besmen Di Atas Lot 3311 (No. Hs(D)12369) Jalan Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya Jawi Jaya, Mukim 7, Seberang Perai Selatan Untuk Tetuan Bjsc Facilities Sdn Bhd	Hamidi bin Abdul Aziz @ Abdul Rahman	06/09/2018	Menunggu Penyataan Responden

BIL	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
7	LR/SP/18/2018	S.23(1)(a)	Rayuan Terhadap Keputusan Majlis Menolak Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Tukarguna Kedai Pejabat 3 Tingkat Kepada Hotel Bajet 3 Tingkat Di Alamat No.19, Jalan Tanjung Jaya 1, Taman Tanjung Jaya Yang Mengandungi : 20 Unit Bilik Tidur Dan 1 Unit Pejabat Pengurusan Di Atas Lot 3795, Seksyen 1, Bandar Butterworth, SPU.	Lim Boon Seng	12/09/2018	Menunggu Penyataan Responden
8	LR/SP/20/2018	S.23(1)(a)	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Meroboh 1 Unit Rumah Kediaman Berkembar 2 Tingkat Sediada Dan Membina 1 Unit Rumah Kediaman Berkembar 3 Tingkat, No 52 Diatas Lot 6947, Lorong Idaman 1/2, Taman Idaman, Mukim 14, Simpang Ampat , Seberang Perai Selatan Untuk Tetuan Kuo Yuan Hsin	KUO YUAN HSIN	26/12/2018	Menunggu Penyataan Responden

## SENARAI REKOD RAYUAN DARI 01/01/2018 HINGGA 31/12/2018

**PBT:** Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Status:** Dibatalkan/Ditarik Balik

BIL	No. RR	Jenis	Tajuk	Pemohon	Tarikh Dibuka	Status
1	LR/SP/5/2018	S.23(1)(b)	Rayuan Bantahan Terhadap MPSP/70/39-16/17 B.1 (68) Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Skim Pembangunan Berpagar Hakmilik Strata  1. 1 Blok Pangaspuri 14 Tingkat (130 Unit) Termasuk 3 Tingkat Tempat Letak Kereta dan Sebuah Jejantas di Tingkat 2 2. 1 Unit Rumah Kelab Yang Mengandungi 1 Unit Dewan Orang Ramai, 1 Unit Pelbagaiguna (Tadika/Taska/Pusat Jagaan), 1 Unit Gimnasium, 1 Unit Pejabat Pengurusan & Kolam Renang 3. 1 Unit Pencawang Elektrik TNB 4. 1 Unit Pondok Pengawal 5. 1 Unit Pusat Pengumpulan Sampah Di Atas Lot 10075, Jalan Cassa Maya Mukim 16 Seberang Perai Utara Untuk Tetuan Palmingdale Sdn Bhd.  - Bantahan kepada penggunaan lorong sungai dua utama 26, taman sungai dua utama oleh Syarikat Tetuan Palmingdale sdn. bhd.	Nur Fatin Izzati bt Ahmad	06/03/2018	Dibatalkan/Ditarik Balik
2	LR/SP/6/2018	S.23(1)(a)	Rayuan Terhadap MPSP/70/30-71/15 Keputusan Majlis berkenaan dengan Penolakan Permohonan Kebenaran Merancang untuk sebuah kilang memproses kertas 1 tingkat sediada no 3375 di atas sebahagian lot 1663, Jalan Ooi Kar Seng, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang Untuk Tetuan Green Ray Technology Sdn Bhd.	GREEN RAY TECHNOLOGY SDN BHD (Tunku Muhamad Nasir bin Tunku Ismail)	10/04/2018	Dibatalkan/Ditarik Balik

## LAPORAN PRESTASI UNIT PENDAKWAAN

### A. TUGAS-TUGAS UNIT PENDAKWAAN:

Unit ini ditugaskan menguruskan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menguatkuasakan undang-undang yang diterimapakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai;
2. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
3. Menyedia dan menyemak izin pendakwaan, pertuduhan dan saman.

### B. PENCAPAIAN UNIT PENDAKWAAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018.

Jadual berikut merupakan pencapaian prestasi dan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh kakitangan Unit Pendakwaan bagi tahun 2017 dan 2018.

**DAFTAR KES LETAK KERETA**

Bulan	2017	2018
Januari	80	200
Februari	200	400
Mac	81	650
April	80	500
Mei	158	250
Jun	160	500
Julai	73	600
Ogos	114	600
September	121	600
Oktober	190	3000
November	768	1950
Disember	674	800
<b>JUMLAH</b>	<b>2,699</b>	<b>10,050</b>

**DAFTAR KES KERJA TANAH**

Bulan	2017	2018
Januari	0	2
Februari	3	6
Mac	0	1
April	1	0
Mei	0	2
Jun	0	1
Julai	0	1
Ogos	1	1
September	0	0
Oktober	0	2
November	0	4
Disember	1	3
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>23</b>

## DAFTAR KES PELESENAN

Bulan	2017	2018
Januari	0	0
Februari	5	1
Mac	0	0
April	2	1
Mei	3	9
Jun	0	1
Julai	1	2
Ogos	3	1
September	4	0
Oktober	6	9
November	6	3
Disember	0	2
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>29</b>

## KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2017)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BAYARAN PINJAMAN (RM)	R'PASAN (RM)	KOMP. HLGN (RM)	KOMP. ENK. HIB. (RM)	BRG YG DIPINDAH (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	3,400.00	-	-	-	-	-	-	-	3,400.00
FEB	5,400.00	-	-	-	-	-	-	-	5,400.00
MAC	2,950.00	250.00	-	-	-	-	-	-	3,200.00
APR	3,300.00	-	-	-	-	-	-	-	3,300.00
MEI	4,200.00	-	-	-	-	-	-	-	4,200.00
JUN	4,500.00	-	-	-	-	-	-	-	4,500.00
JUL	4,400.00	-	-	50.00	-	-	-	-	4,450.00
OGOS	3,600.00	-	-	50.00	-	-	-	-	3,650.00
SEP	3,300.00	-	-	-	-	-	-	-	3,300.00
OKT	5,950.00	-	-	-	-	-	-	-	5,950.00
NOV	3,720.00	-	-	-	-	-	-	-	3,720.00
DIS	6,610.00	-	-	-	-	-	-	-	6,610.00
<b>JUMLAH</b>	<b>51,330.00</b>	<b>250.00</b>	<b>0.00</b>	<b>100.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>51,680.00</b>

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
(KEJURUTERAAN) KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPU (BW)	2
	SPT(BM)	2
	SPS (JAWI)	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>
(PELESENAN) TIADA LESEN	SPU (BW)	8
	SPT(BM)	17
	SPS (JAWI)	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>
(LANDSKAP)	SPU (BW)	3
	SPT(BM)	0
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>
(BANGUNAN) TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPU (BW)	0
	SPT(BM)	3
	SPS (JAWI)	3
	<b>JUMLAH</b>	<b>3</b>
(PERANCANG) PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPU (BW)	0
	SPT(BM)	5
	SPS (JAWI)	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>2,800</b>

**DAFTAR KES TAHUNAN (2018)**  
**DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM**  
**& MAHKAMAH MAJISTRET JAWI**

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) KESALAHAN LETAK KERETA	SPU (BW)	50
	SPT(BM)	10,050
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>10,100</b>

### KUTIPAN KEW. 38 (TAHUN 2018)

TAHUN / BULAN	LETAK KERETA (RM)	KERJA TANAH (RM)	BYRN LESEN (RM)	BAYARAN PINJAMAN (RM)	R'PASAN (RM)	KOMP. HLGN (RM)	KOMP. ENK. HIB. (RM)	BRG YG DIPINDAH (RM)	JUMLAH (RM)
JAN	4,625.00	250.00	-	-	-	-	-	-	4,875.00
FEB	5,250.00	-	-	-	-	-	-	-	5,250.00
MAC	4,850.00	-	-	-	-	-	-	-	4,850.00
APR	8,050.00	-	-	-	-	-	-	-	8,050.00
MEI	6,050.00	-	-	-	-	-	-	-	6,050.00
JUN	4,850.00	-	-	-	-	-	-	-	4,850.00
JUL	7,040.00	-	-	-	-	-	-	-	7,040.00
OGOS	7,610.00	-	-	-	-	-	-	-	7,610.00
SEP	4,380.00	-	-	-	-	-	-	-	4,380.00
OKT	6,800.00	-	-	-	-	-	-	-	6,800.00
NOV	5,300.00	-	-	-	-	-	-	-	5,300.00
DIS	4,995.00	-	-	-	-	-	-	-	4,995.00
<b>JUMLAH</b>	<b>69,800.00</b>	<b>250.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>70,050.00</b>

### DAFTAR KES TAHUNAN (2017) DI MAHKAMAH MAJISTRET (MUNISIPAL) BUTTERWORTH / BUKIT MERTAJAM & MAHKAMAH MAJISTRET JAWI

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) KESALAHAN LETAK KERETA	SPU (BW)	204
	SPT(BM)	2,495
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,699</b>
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) TIADA LESEN, TIADA PAPAN IKLAN	SPU (BW)	23
	SPT(BM)	9
	SPS (JAWI)	12
	<b>JUMLAH</b>	<b>44</b>
(KESIHATAN) TIADA LESEN KACAU GANGGU	SPU (BW)	1
	SPT(BM)	2
	SPS (JAWI)	2
	<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>

JENIS KESALAHAN	DAERAH	JUMLAH
(DIREKOTRAT PENGUATKUASAAN) TIADA LESEN, TIADAPAPAN IKLAN,	SPU (BW)	25
	SPT(BM)	44
	SPS (JAWI)	19
	<b>JUMLAH</b>	<b>88</b>
(KESIHATAN) TIADA LESENKACAU GANGGU	SPU (BW)	2
	SPT(BM)	4
	SPS (JAWI)	7
	<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>
(KEJURUTERAAN) KERJA TANAH / PAMER IKLAN TANPA LESEN	SPU (BW)	6
	SPT(BM)	10
	SPS (JAWI)	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>
(PELESENAN) TIADA LESEN	SPU (BW)	0
	SPT(BM)	0
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>
(LANDSKAP)	SPU (BW)	0
	SPT(BM)	0
	SPS (JAWI)	0
	<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>
(BANGUNAN) TUKAR GUNA RUMAH KEDIAMAN	SPU (BW)	0
	SPT(BM)	4
	SPS (JAWI)	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>
(PERANCANG) PEMAJUAN TANPA KEBENARAN	SPU (BW)	6
	SPT(BM)	9
	SPS (JAWI)	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>10,294</b>

## RUMUSAN

Prestasi dan proses kerja di Jabatan Undang-Undang sepanjang tahun 2018 adalah memuaskan dan berjalan lancar. Dengan wujudnya program transformasi MPSP, sikap dan perubahan positif pemikiran kakitangan secara radikal dalam Jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik telah diadaptasikan. Secara tidak langsung Jabatan telah berjaya mencapai objektif dan matlamat Jabatan dalam melaksanakan usaha untuk meningkatkan maklumat perpustakaan ilmu masing-masing mengenai perundungan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Antara langkah agresif yang telah dijalankan oleh Jabatan Undang-Undang seiring dengan perlaksanaan program transformasi MPSP adalah melalui kursus dan sesi pemahaman undang-undang yang lebih mantap kepada kakitangan MPSP khususnya kepada kakitangan yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan adil, jujur dan teratur serta mematuhi kehendak undang-undang yang berkuatkuasa iaitu selari dengan Akta PBT yang digunakan.

Selain itu, hasil daripada program percambahan fikiran dan sesi pemahaman undang-undang yang diadakan berkenaan Akta PBT bersama warga kerja MPSP telah menampakkan kepekaan warga Seberang Perai terhadap pematuhan undang-undang telah meningkat. Fenomena di atas berlaku kerana masyarakat telah memberi sambutan yang positif kepada penguatkuasaan undang-undang MPSP.

Berdasarkan rekod kesalahan yang acap kali dilakukan oleh warga Seberang Perai mendapati indeks kesalahan semakin berkurangan. Kesimpulannya kedaulatan undang-undang telah berlaku di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.



# JABATAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

# LAPORAN TAHUNAN 2018

JABATAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN

## LAPORAN TAHUNAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2018

### PENDAHULUAN

Direktorat Penguatkuasaan mula ditubuhkan pada 1 Julai 2010 bersempena proses penjenamaan semula MPSP. Direktorat Penguatkuasaan berperanan menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang diperuntukkan dan digunakan di seluruh Seberang Perai yang meliputi kluasan 738.41 kilometer persegi. Jumlah kakitangan Direktorat Penguatkuasaan adalah seramai 270 orang.

### FUNGSI JABATAN

- Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Melibatkan Tempat Letak Kereta Berkupon
- Kerja Tanah
- Binaan Tanpa Kebenaran
- Perniagaan Tanpa Lesen
- Hiburan
- Halangan
- Kawalan Di Kawasan Zon Perindustrian Bebas (Fiz)
- Membantu Jabatan Dalaman Dan Luaran Dalam Melaksanakan Tindakan Penguatkuasaan
- CCTV
- Polis Bantuan

## LAPORAN TAHUNAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2018

### UNIT HALANGAN:

Unit ini berfungsi untuk menghapuskan segala bentuk halangan di tempat awam mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

### UNIT ADUAN:

Penerimaan Aduan, pengagihan aduan kepada unit-unit berkaitan dan maklum balas tindakan terhadap aduan yang diterima. Aduan diterima setiap hari melalui saluransaluran seperti BPA, SMS, panggilan telefon, email, MPSP Watch, pengadu datang sendiri untuk membuat aduan, Ahli Majlis, YB, EXCO, Jendela Pelanggan dan sebagainya.

## **UNIT KHAS DAN STOR SITAAN:**

Unit ini merupakan tulang belakang Direktorat Penguatkuasaan di dalam melaksanakan kerja berat seperti Operasi Meroboh, menunda dan mengalih kenderaan, meruntuh ‘bill board’, antena komunikasi, bangunan pengusaha burung walit dan berbagai tugas fizikal dari jabatan dalaman MPSP. Unit ini juga bertanggungjawab terhadap stor sitaan MPSP.

## **UNIT LESEN PREMIS:**

Unit ini berfungsi untuk membuat pemeriksaan premis perniagaan yang beroperasi dan mengambil tindakan dibawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 (Perniagaan Tanpa Lesen) sekiranya peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah dari MPSP.

## **UNIT BANGUNAN:**

Unit ini berfungsi bagi memantau pematuhan notis dan operasi meruntuh bangunan tanpa kelulusan. Kuasa yang digunakan adalah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Seksyen 70) – binaan tanpa kebenaran pihak MPSP.

## **UNIT KERJA TANAH:**

Unit ini bertanggungjawab untuk menguatkusakan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah MPSP 1992 (UUK 22). Antara kesalahan yang dikenalpasti oleh unit ini adalah :

- Memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan-bahan boleh jatuh
- Memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi kenderaan
- Menutup bahan-bahan dengan kain tarpan, plastic, kanvas atau kain-kain lain yang bersesuaian
- Memastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan itu dibenarkan ke tempat-tempat awam atau jalanraya
- Menggunakan jalan-jalan yang ditetapkan oleh MPSP dan mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh MPSP (penyediaan ‘wash bay’ dan ‘water jet’ serta papan tanda kelulusan dari MPSP)
- Rondaan dijalankan pada setiap hari termasuk hari cuti umum

## **UNIT TEMPAT LETAK KERETA:**

Akta yang digunakan semasa menjalankan penguatkuasaan adalah mengikut Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995 (Pindaan 2006). Jumlah petak yang telah diwartakan adalah 23,457 petak. Anggaran kompaun yang dikeluarkan sehari adalah sebanyak 400 kompaun sehari.

## **UNIT KUNCI TAYAR:**

Akta yang digunakan semasa menjalankan penguatkuasaan adalah mengikut Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995 (Pindaan 2006) Perintah 16 (1). Kawasan operasi adalah di sekitar Bandar Bukit Mertajam, Padang Lallang, Bandar Sunway, Megamall, Jalan Bagan Luar, Bagan Ajam dan Taman Selat, Butterworth dan Bandar Perda. Anggaran kunci tayar harian adalah sebanyak 10 buah kereta sehari dan dikenakan caj sebanyak RM 50.00 bagi setiap kereta.

## **UNIT KESELAMATAN:**

Unit ini bertanggungjawab terhadap keselamatan dan penyelenggaraan kawasan MPSP dan Kastam Diraja Malaysia. Fungsi utama unit ini adalah mengawal keluar / masuk orang awam, kenderaan di dalam zon perindustrian dan mengawal 24 jam sehari.

## **PENYATA TAHUN 2018**

BULAN	PENGELUARAN PAS ZON BEBAS	PEGELUARAN LORI SAMPAH	PENGELUARAN LORI BAHAN TERPAKAI	PENGELUARAN PERMIT SAMPAH	PENGELUARAN PERMIT BAHAN TERPAKAI
Januari	32 = RM 32.00	198	188	1	5
Februari	78 = RM78.00	199	276	1	10
Mac	99 = RM 99.00	204	338	-	7
April	31= RM 31.00	175	291	-	8
Mei	13 = RM 13.00	161	329	5	10
Jun	7 = RM 7.00	169	353	-	5
Julai	74 = RM74.00	170	294	2	8
Ogos	19 = RM 19.00	187	238	1	8
September	17 = RM 17.00	200	253	1	8
Oktober	19 = RM 19.00	185	318	1	3
November	14 = RM 14.00	171	309	1	7
Disember	25 = RM 25.00	155	272	4	5
<b>JUMLAH</b>	<b>428 = RM 428.00</b>	<b>2174</b>	<b>3459</b>	<b>17</b>	<b>84</b>

# LAPORAN AKTIVITI DIREKTORAT PENGUATKUASAAN TAHUN 2018

## 1. KOMPAUN LETAK KERETA

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun Dikeluarkan Ke Atas Kenderaan	162,667
2	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM1,477,916.30
3	Notis Peringatan Kepada Pesalah (Mailer)	72,785
4	Bilangan Kes Untuk Pendakwaan Ke Jabatan Undang-Undang	15,867

## 2. KUNCITAYAR

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kenderaan Yang Dikunci Tayar	4,020
2	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM201,000.00
3	Jumlah Kenderaan Yang Dialih	14
4	Jumlah Amaun Yang Dibayar	1,400

## 3. KOMPAUN HALANGAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun Halangan (Motosikal)	261
2	Jumlah Kompaun Halangan Am Dikeluarkan	154
3	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM14,090.00

## 4. KOMPAUN KERJA TANAH

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan Dikeluarkan	225
2	Jumlah Kompaun Kenderaan Mengotorkan Jalan Yang Dibayar	143
3	Jumlah Amaun Yang Dibayar	RM13,425.00
4	Jumlah Kertas Pendakwaan Kesalahan Mengotorkan Jalan	52

## 5. TINDAKAN PELESENAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Jumlah Premis Hiburan Yang Diperiksa	36

## 6. TINDAKAN BANGUNAN

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Operasi Meruntuh	48
2	Operasi Burung Walit (Jabatan Perkhidmatan Kesihatan)	1
3	Notis Proviso Yang Dikeluarkan	91
4	Notis Binaan Tanpa Kebenaran (Dikeluarkan Oleh Jabatan Bangunan)	153
5	Notis Mengosong (Dikeluarkan Oleh Jabatan Bangunan)	106
6	Pemantauan Kes Binaan Tanpa Kebenaran	217



## 7. OPERASI (SITAAN DAN PINDAH HALANGAN)

BIL	AKTIVITI	JUMLAH
1	Kenderaan Berat / Buruk Yang Disita	27
2	Papan Iklan Tanpa Permit Yang Dirobohkan	32





**JABATAN  
DIREKTORAT  
PENGUATKUASAAN**

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

- Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Sijil Penubuhan JMB, menyelaras aduan berkaitan bangunan bertingkat dan memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 kepada pembeli / pemilik petak skim perumahan berstrata di kawasan Seberang Perai


### UNIT-UNIT DI JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN :

- Unit Pentadbiran
- Unit Kewangan dan Akaun
- Unit Teknikal dan Penguatkuasaan

### FUNGSI – FUNGSI JABATAN :

- Memastikan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) bagi setiap kawasan pemajuan bertingkat di bawah Akta 757 [Akta Pengurusan Strata].
- Menguruskan pendaftaran dan pengeluaran sijil penubuhan JMB.
- Menangani aduan berkaitan bangunan bertingkat, penubuhan JMB/MC, pertikaian berkenaan akaun pengenggaraan bangunan dan lain-lain.
- Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, mengikut peruntukan di bawah Akta 757.
- Mengumpul dan menyelaras data-data berkaitan bangunan berstrata untuk kegunaan Jabatan, Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Memberi khidmat nasihat berkaitan Akta 757 .

## JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN



## Status Badan Pengurusan Strata Di MPSP

### Jumlah Kawasan Pemajuan Berstrata di MPSP

<b>1,080 kawasan pemajuan (77,816 petak)</b>	SPU = 435 (26,041 petak) SPT = 560 (44,033 petak) SPS = 85 (7,742 petak)
--	--

### Kategori Kawasan Pemajuan Berstrata Mengikut Bilangan Petak

<b>11 Petak dan ke Atas :</b> <b>487kaw. pemajuan (75,836 petak)</b>	SPU = 178 (25,319 petak) SPT = 262 (42,915 petak) SPS = 47 (7,602 petak)
---	--

<b>10 Petak dan ke Bawah :</b> <b>593 kaw. pemajuan (1,980 petak)</b>	SPU = 257 (722 petak ) SPT = 298 (1,118 petak ) SPS = 38 (140 petak )
--	---

**Jumlah : (487 + 593) = 1,080 kawasan pemajuan**

### Status Badan Pengurusan (JMB/MC) Bagi Bilangan 11 Petak & Ke Atas Bagi Kawasan MPSP

<b>JMB sedia ada ( bersijil ) :</b> <b>173</b>	SPU = 66 SPT = 89 SPS = 18
---	----------------------------------

<b>MC sedia ada ( bersijil ) :</b> <b>153</b>	SPU = 67 SPT = 71 SPS = 15
--	----------------------------------

<b>MC automatik @ Telah buka Buku Daftar Strata: (Tanpa Sijil )</b> <b>69</b>	SPU = 9 SPT = 56 SPS = 4
--	--------------------------------

<b>Belum tubuh JMB/MC :</b> <b>92</b>	SPU = 36 SPT = 56 SPS = 10
--	----------------------------------

**Jumlah : 487 skim pemajuan**

## Ringkasan aktiviti – Jabatan COB

BIL	AKTIVITI	2016	2017	2018
1	Pengeluaran Sijil JMB	48	48	48
2	Menghadiri mesyuarat / taklimat jemputan JMB/MC	80	85	90
3	Menyelaras mesyuarat yang dipengerusikan oleh COB	16	10	12
4	Menangani aduan berkaitan skim berstrata	565	481	599
4	Mengadakan Taklimat /seminar tahunan berkaitan JMB/MC	1. a) Seminar Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata (TPPS) bagi kawasan MPSP	1. a) Seminar Pengurusan Strata 1st AGM, Tanggungjawab dan Prosedur Pemaju	1. Program Strata Kids <b>a) Sesi I</b> Sek Men Bandar Perda <b>b) Sesi II</b> Sek Ren Keb Seri Gemilang
			b) Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca di Pangaspuri Ria Blok D	2. Anugerah Keceriaan Lanskap JMB/ MC – LC & LMC

## Ringkasan Data Aduan Jan – Dis 2018

BIL	JENIS ADUAN	Status	
		Terima	Selesai Dalam Tempoh 3 hari Bekerja
1	<b>Mesyuarat</b> (Semua aduan berkaitan mesyuarat yang melibatkan Badan termasuk berkaitan tujuan penubuhan Badan)	13	27
2	<b>Pentadbiran dan Pengurusan</b> (Semua aduan berkaitan pentadbiran dan pengurusan Pemaju/ Badan/ Ejen termasuk tanggungjawab, kerjasama, pertikaian)	23	35
3	<b>Penyenggaraan dan Kerosakan</b> (Semua aduan berkaitan penyenggaraan dan kerosakan bangunan dan harta bersama)	32	91

BIL	JENIS ADUAN	Status	
		Terima	Selesai Dalam Tempoh 3 hari Bekerja
4	<b>Isu Kewangan</b> (Semua aduan berkaitan kewangan termasuk caj penyenggaraan, akaun penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penyenggaraan bangunan, kumpulan wang penjelas)	4	34
5	<b>Khidmat Nasihat</b> (Semua khidmat nasihat dan pandangan yang diberi kepada pengadu)	221	169
6	<b>Lain-Lain</b>	272	243
<b>JUMLAH</b>		<b>565</b>	<b>599</b>

## FOTO – FOTO BERKAITAN AKTIVITI PESURUHJAYA BANGUNAN









# JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Perkhidmatan Kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan awam termasuk kawalan vektor, kawalan kebersihan dan keselamatan makanan, perkhidmatan klinik dan perkhidmatan veterinar.

### 2. OBJEKTIF

- 2.1 Meninggikan taraf kesihatan dan mutu kehidupan warga Seberang Perai, serta membolehkan mereka menjalankan penghidupan yang sihat dan produktif di bidang ekonomi dan sosial.
- 2.2 Menyediakan perkhidmatan kesihatan awam dan perkhidmatan veterinar yang berkualiti.
- 2.3 Meningkatkan produktiviti dengan menerapkan etika kerja yang baik serta nilai-nilai murni, memperkemaskan pentadbiran dan membentuk satu imej korporat yang dibanggakan.
- 2.4 Meningkatkan kerjasama dan kordinasi antara agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam aktiviti-aktiviti fungsi Jabatan.

### 3. FUNGSI JABATAN

- 3.1 Merancang, mengawal dan melaksana program-program berkaitan perkhidmatan kesihatan awam termasuk kawalan vektor, kawalan kebersihan dan keselamatan makanan, perkhidmatan klinik, pelesenan veterinar dan kawalan haiwan merayau.
- 3.2 Menyedia dan memberi perkhidmatan yang kreatif dan inovatif untuk faedah dan kesejahteraan warga Seberang Perai.
- 3.3 Memainkan peranan yang berkesan dengan mendapatkan penyertaan agensi swasta, NGO, CBO serta warga Seberang Perai dalam hal ehwal perkhidmatan kesihatan awam dan perkhidmatan veterinar.

### 4. ORGANISASI

Jabatan mempunyai (3) Bahagian dan Unit seperti berikut :-

- 4.1 Bahagian Pentadbiran
- 4.2 Bahagian Kesihatan Awam
  - i) Unit Kawalan Vektor dan Semak Samun.
  - ii) Unit Pengurusan Kebersihan dan Keselamatan Makanan.
  - iii) Unit Kawalan Kacauganggu.
  - iv) Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.
  - v) Unit Perkhidmatan Klinik.
- 4.3 Bahagian Perkhidmatan Veterinar.
- 4.4 Bahagian Pengurusan Strategik dan Kualiti.

## 5. FUNGSI DAN AKTIVITI BAHAGIAN / UNIT

### 5.1 Bahagian Pentadbiran

#### 5.1.1 Bahagian Pentadbiran

- Pengurusan
  - i. Pengurusan pejabat.
  - ii. Pengurusan perjawatan / perkhidmatan.
  - iii. Pengendalian aduan.
- Bekalan
  - i. Penyelenggaraan dan pengendalian mesin pejabat.
  - ii. Pengurusan perolehan / pembelian dan bekalan.
  - iii. Pengurusan Stok dan Inventori.
- Pengurusan Kewangan
  - i. Penyedian Bajet Jabatan.
  - ii. Pengurusan Pendapatan & Perbelanjaan Jabatan.
- Aktiviti Bahagian Pentadbiran
  - Penyelenggaraan hal-hal perkhidmatan / personel.
  - Pengurusan aduan.
  - Penerimaan dan penghantaran surat-surat / dokumen.
  - Penyelenggaraan sistem fail.
  - Kerja-kerja mencetak dan penduaan.
  - Penyelenggaraan buko vot Jabatan / vot bersama.
  - Pengurusan perolehan.
  - Penyelenggaraan Panjar Wang Runcit.
  - Pengurusan stok / alat tulis Jabatan.
  - Pengurusan kenderaan dan kad tol elektronik.

### 5.2 Bahagian Kesihatan Awam

#### 5.2.1 Unit Kawalan Vektor

- a) Merancang, mengawal dan melaksanakan program-program berkaitan kawalan vektor.

Perkhidmatan kawalan vektor termasuk perkhidmatan mengawal dan mencegah penyakit bawaan vektor khususnya penyakit demam denggi dan lain-lain penyakit bawaan vektor yang mengancam kesihatan orang awam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah :-

- i. Semburan racun nyamuk dewasa (fogging).
  - ii. Semburan anti larva.
  - iii. Pemeriksaan premis (aedes survey).
  - iv. Pendidikan Kesihatan Awam – ceramah dan pameran.
  - v. Cari dan musnah tempat pembiakan.
  - vi. Gotong royong memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.
  - vii. Semburan racun serangga yang merbahaya.
  - viii. Tindakan perundangan – Notis dan Kompaun Akta Serangga Pembawa Penyakit 1975 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.
  - ix. Kawalan alat.
  - x. Kawalan tikus.
- b) Menyedia dan memberi perkhidmatan kawalan vektor yang kreatif, inovatif dan berkualiti.
- Kawalan penyakit berjangkit :-
- i. Mengumpul data kejadian semua penyakit berjangkit dari pejabat kesihatan dalam kawasan perbandaran Seberang Perai.
  - ii. Membuat analisis kadar insiden setiap penyakit berjangkit dan penyediaan carta berkaitan.
  - iii. Meningkatkan pengawasan penyakit berjangkit terutama penyakit bawaan makanan dan air serta penyakit vektor.
  - iv. Memberi bantuan dalam siasatan apabila berlaku wabak.
- c) Memainkan peranan yang berkesan dari segi mendapatkan penyertaan agensi swasta, NGO, CBO serta warga Seberang Perai dalam hal ehwal kawalan vektor.

Pendidikan Kesihatan Awam :-

- i. Mengadakan pendidikan kesihatan awam untuk murid-murid sekolah.
- ii. Penyediaan risalah-risalah, poster dan maklumat lain dalam aspek kawalan penyakit berjangkit.
- iii. Pengurusan pameran kawalan penyakit berjangkit.

#### 5.2.2 Unit Pengurusan Kebersihan dan Keselamatan Makanan.

- Pemeriksaan Premis Makanan
- Penggredan Premis Makanan
- Pengauditan & Penarafan Bintang Tandas Awam
- Penguatkuasaan & Pendidikan Kesihatan

a) Pemeriksaan Premis Makanan

Memeriksa dan menilai tahap kebersihan premis makanan berpandukan garis panduan yang ditetapkan. Premis makanan yang mencapai tahap kebersihan yang cemerlang diberikan penghargaan berupa stiker (Gred A & B) sebagai dorongan dan inspirasi kepada premis makanan lain.

b) Objektif Pemeriksaan Premis Makanan

- i. Menyalurkan pendidikan kesihatan kepada pengusaha dan pengendali makanan berkaitan kepentingan tatacara pengurusan premis yang mematuhi undang-undang serta memastikan keselamatan makanan yang dijual.
- ii. Mempertingkat serta mengekalkan tahap kebersihan premis makanan.
- iii. Menyedarkan pengguna supaya mementingkan aspek kebersihan premis dan keselamatan makanan ketika memilih untuk makan di luar.
- iv. Mengurangkan kejadian insiden dan prevalen kes penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan.
- v. Mengklasifikasikan kedudukan tahap kebersihan premis makanan yang beroperasi di Seberang Perai.

c) Tujuan Penggredan

- i. Menilai serta memilih premis makanan yang sentiasa menjaga kebersihan mengikut garis panduan dan undang-undang.
- ii. Memupuk sikap menjaga kebersihan pengendali makanan juga dengan penekanan untuk mempraktikkan amalan yang betul. Ini bertujuan mengelakkan dari pelbagai penyakit berjangkit bawaan makanan dan minuman (taun, demam kepialu, dysentery) dan keracunan makanan.
- iii. Memastikan makanan yang dijual selamat untuk dimakan oleh pelanggan.
- iv. Menjadikan Seberang Perai sebagai lokasi makanan yang bersih dan selesa demi menarik pelancong serta meningkatkan pelaburan.

5.2.3 Unit Kawalan Kacauganggu.

- a) Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan penghunian secara penuh sesak dan pencemaran. Menjalankan pemantauan ke lokasi kacau ganggu yang melibatkan menghuni secara penuh sesak di sesuatu taman perumahan diikuti pencemaran bunyi bising dan bau serta masalah sosial / moral, penyakit berjangkit dan isu sampah sarap.

#### 5.2.4 Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (Bangunan dan Susunatur) yang diterima daripada Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar.
- Lawatan / siasatan ke atas pelan dan permohonan Sijil Layak Menduduki dan Jawatankuasa Mendengar Bantahan.
- Menerima aduan serta bancian bagi premis atau tanah lapang yang ditinggal dan dibiarkan menjadi semak-samun dan menjadi kacauganggu serta ketidakselesaan dan ketenteraman penduduk persekitaran.
- Langkah-langkah yang diambil adalah mengenalpasti pemilik premis/tanah di Jabatan Penilaian, Pejabat Tanah dan Galian, dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).
- Tindakan notis dan tuntutan dikeluarkan untuk tempoh 3 hari disusuli tindakan kompaun jika gagal berbuat demikian. Sekiranya kerja pembersihan dijalankan MPSP, tuntutan akan dibuat melaui tindakan mahkamah.

Aktiviti untuk pembangunan :-

- Semakan dan Ulasan Pelan (Bangunan dan Susunatur) meliputi :-
  - Pelan Individu
  - Pelan Perumahan
  - Pelan Industri
- Lawatan Tapak
  - Sijil Layak Menduduki
  - Lawatan Bantahan
- Menghadiri Mesyuarat
  - Mesyuarat 'One Stop Center' (OSC)

#### 5.2.5 Unit Perkhidmatan Klinik.

- Perkhidmatan Klinik
  - Memberi imunisasi suntikan ubat Typhim VI terhadap penyakit demam kepialu (tifoid) kepada semua pengendali makanan.
  - Pemeriksaan kesihatan fizikal pengendali makanan.
  - Memberi perkhidmatan klinik (rawatan ringan) kepada kakitangan.
  - Nasihat dan pendidikan kepada pengendali makanan.
  - Membantu dan mengambil rectal swab apabila berlaku wabak penyakit demam kepialu (tifoid) dan taun (kolera).

Aktiviti-aktiviti :-

- Pengeluaran notis / kompaun dibuat ke atas pengurus/penyelia premis supaya tidak wujud kacauganggu melalui pengurangan bilangan penghuni dalam sesuatu premis mengikut garis panduan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Seksyen 79) bermaksud seorang penghuni bagi 350 kaki padu bagi sesebuah premis.
- Membuat siasatan ke atas isu pembakaran terbuka dari orang awam dan memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar.
- Lain-lain isu yang boleh menyebabkan masalah kesihatan awam & kacauganggu terhadap orang awam akibat penyalahgunaan bangunan dan persekitaran (Seksyen 81) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

b) Pemusnahan gagak/burung merpati

- i. Menjalankan pemantauan di lokasi aduan burung gagak. Pada masa yang sama perangkap gagak akan dipasang di lokasi aduan untuk memusnahkan gagak.
- ii. Mendapat kelulusan daripada pihak polis untuk menjalankan operasi menembak gagai di lokasi aduan.
- iii. Berurusan mendapatkan bantuan daripada Unit Skuad Khas MPSP untuk menjalankan operasi menghalau merpati di lokasi aduan. Menjalankan operasi menhalau dan memusnah tempat membiak burung merpati di lokasi bermasalah.

c) Aktiviti Burung Walit

- i. Menjalankan aktiviti pemantauan ke atas premis menternak burung walit dari segi kacauganggu bunyi bising yang diakibatkan oleh bunyi daripada pembesar suara. Keutamaan pemantauan diberi kepada lokasi premis yang mendapat aduan daripada orang awam.
- ii. Mengambil bacaan kadar bunyi bising bagi setiap premis yang disiasat. Tindakan penguatkuasaan Notis Kacauganggu Akta Kerajaan Tempatan 1976 untuk tempoh 24 jam dikeluarkan bagi premis yang gagal mematuhi kadar bunyi pembesar suara yang dibenarkan.
- iii. Setelah siasatan susulan dijalankan terhadap premis yang masih ingkar arahan, notis tindakan rampasan pembesar suara akan dilaksanakan sebagai langkah akhir untuk tujuan mengurangkan masalah bunyi bising dari premis burung walit.

### **5.3 Bahagian Perkhidmatan Veterinar**

- Kawalan dan pelesenan ladang ternakan, rumah sembelih, penetasan dan penjaja daging.
  - Kawalan dan pelesenan pemeliharaan anjing.
  - Kawalan haiwan merayau.
  - Penangkapan anjing terbiar, gagak dan pemusnahan tikus.
  - Penguatkuasaan Undang-undang yang berkaitan.
- a) Aktiviti Bahagian Perkhidmatan Veterinar
- i. Memberi ulasan teknikal berkaitan permohonan lesen veterinar termasuk pemeriksaan atas syarat-syarat permohonan, membuat laporan dan rekomendasi terhadap permohonan.
  - ii. Pengeluaran lesen anjing.
  - iii. Pengeluaran permit sembelihan untuk kenduri dan agama.
  - iv. Penangkapan haiwan berkeliaran (anjing, kucing, lembu, kerbau, kambing dan babi).
  - v. Melaksanakan program-program dibawah Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar 2015-2018.

### **5.4 Bahagian Pengurusan Strategik Dan Kualiti**

1. Menguruskan, melaporkan dan membantu merancang Pelan Strategi Seberang Perai, Seberang Perai Corporate Priorities, Sasaran Kerja Jabatan Perkhidmatan Kesihatan serta aktiviti berkaitan.
2. Menguruskan dan menyelaras semua aktiviti kualiti dan inovasi di peringkat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
3. Mengkaji, mengenalpasti dan mencadangkan semua proses kerja baru, Prosidur Operasi Standard (SOP) arahan kerja dan seumpamanya kepada Ketua Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.
4. Membuat audit terhadap kerja-kerja berkaitan Prosidur Operasi Standard (SOP) Jabatan yang dilaksanakan untuk memastikan prosidur dipatuhi oleh kakitangan terlibat.
5. Mengkaji, mengenalpasti dan menyelaraskan pembangunan sistem komputer bagi peringkat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

## 6. LAPORAN DAN STATISTIK

### 6.1 Hasil dan Perbelanjaan

JADUAL 1 : PERBELANJAAN JABATAN TAHUN 2016 – 2018

KOD	PERBELANJAAN	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
15102	Emolumen	3,987,083.64	3,835,634.08	3,972,146.88
21101	Pengangkutan & Perjalanan	93,650.00	93,657.40	111,011.20
26104	Bekalan Alatan Kecil Perbersihan	202.40	76.85	103.80
26107	Bekalan Alat Veterinar	28,927.95	32,650.72	32,387.40
26201	Bekalan Petrol dan Diesel	49,760.35	51,559.98	47,549.19
26702	Bekalan Bahan Kimia Untuk Kawalan Vektor	39,722.44	29,769.65	35,517.50
27401	Bekalan Ubatan	250,278.95	416,815.80	157,367.20
27801	Bekalan Runcit	440.60	324.30	284.70
28401	Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Mesin-Mesin	155.50	0.00	185.00
29107	Aktiviti Penghapusan Kacau Ganggu	45,693.42	45,211.96	24,437.51
29405	Program Kesihatan	56,105.56	22,216.50	31,932.40
42917	Program Karnival Haiwan Kesayangan	9,473.10	0.00	8,332.70
42918	Program Anjing Terbiar Sifar	71,704.88	23,857.20	15,842.00
<b>JUMLAH</b>		<b>4,633,198.89</b>	<b>4,551,774.44</b>	<b>4,437,097.48</b>

## JADUAL 2 : HASIL JABATAN TAHUN 2016 – 2018

KOD	PERKARA	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
71400	Veterinar	102,313.00	93,991.00	80,261.40
71620	Pendaftaran Anjing	43,730.00	69,840.00	54,475.00
71630	Permit Sembelihan Binatang	425.00	500.00	525.00
72340	Tuntutan Belanja Kerja Pembersihan Semak	10,030.00	18,425.00	905.00
72700	Imunisasi	417,885.00	407,935.00	407,205.00
73900	Lelong Ternakan Haiwan Merayau	1,790.00	4,379.00	8,299.00
76410	Kompaun Jabatan Kesihatan	41,633.00	66,055.00	73,000.00
76420	Kompaun Veterinar	121,652.00	156,929.00	93,979.00
79110	Pelbagai Hal	30,880.00	39,820.00	20,799.00
<b>JUMLAH</b>		<b>770,338.00</b>	<b>857,874.00</b>	<b>739,448.40</b>

## JADUAL 3 : LAPORAN TAHUNAN HASIL BAHAGIAN VETERINAR 2016 – 2018

KOD	PERKARA	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
71400	Veterinar	102,313.00	93,991.00	80,261.40
71620	Pendaftaran Lesen Anjing (patil) / Vaksin	43,730.00	69,840.00 (patil) (5156 patil)	51,560 (5156 patil)
76430	Permit Sembelihan Binatang / Ternakan	425.00	500.00	525.00
76420	Kompaun Veterinar	121,652.00	465,929.00	93,979.00
79110	Pelbagai Hal	-	15,645.00	20,799.00
<b>JUMLAH</b>		<b>268,120.20</b>	<b>336,905.00</b>	<b>247,124.40</b>

## 6.2 Laporan Bagi Bahagian Kesihatan Awam

### 6.2.1. Unit Kawalan Vektor.

**JADUAL 4 : AKTIVITI KAWALAN PENYAKIT DEMAM DENGKI DAN DEMAM DENGKI  
BERDARAH OLEH UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR JABATAN KESIHATAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2016 – 2018**

BIL	AKTIVITI	TAHUN		
		2016	2017	2018
A	KAJIAN AEDES	2016	2017	2018
1	Bil Premis Diperiksa (Rumah, Premis Barang Lusuh, Kilang DLL)	394	116	94
2	Bil Premis Positif	29	41	24
3	Bil Tapak Binaan Diperiksa	177	173	160
4	Bil Tapak Binaan Positif	86	102	99
5	Bil Sekolah Diperiksa	9	6	2
B	NOTIS / KOMPAUN	2016	2017	2018
1	Bil Kompaun Dikeluarkan	116	143	131
2	Hasil Kutipan Kompaun (RM)	9410	18706	12480
3	Bil Notis Dikeluarkan	171	116	130
4	Bil Tindakan Mahkamah	-	-	-
5	Bil Premis Ditutup	-	-	-
C	PENGASAPAN / ABATE	2016	2017	2018
1	Bil Premis Disembur Antilarva	69626	53691	53405
2	Bil Premis Disembur Kabus	3428	2133	4412
3	Bil ULV	-	-	-
4	Bil Sekolah Fogging	1	5	10
D	LAIN-LAIN AKTIVITI	2016	2017	2018
1	Bil Gotong-Royong	539	469	451
2	Bil Bekas Dimusnah	4848	3557	13494
3	Bil Bekas Diperiksa	21506	18052	19912
4	Tanah Kosong / Semak	90	68	53
5	Bil Aduan / Disiasat	705	262	252
6	Pemberian Abate : gm	10960gm	12197gm	5144gm
7	Risalah / Poster	10147	7040	6230

**JADUAL 5 : AKTIVITI KAWALAN TIKUS DAN PEMUSNAHAN TIKUS BAGI  
TAHUN 2016 – 2018**


Tahun	JUMLAH TANGKAPAN TIKUS						
	Harian (Ekor)	Kompleks Makanan (Ekor)	Aduan (Ekor)	Gotong-Royong (Ekor)	Jumlah (Ekor)	Kompaun	Notis
2016	2861	-	591	141	3593	2	4
2017	2079	837	309	61	3286	9	14
2018	1984	737	323	191	3235	8	18

6.2.2 Unit Kebersihan dan Keselamatan Makanan dan Unit Kebersihan Tandas.

**JADUAL 6 : LAPORAN PENCAPAIAN PEMERIKSAAN DAN  
PENGREDEN PREMIS MAKANAN TAHUN 2018**

Jan – Dis	Gred	Jumlah	Peratus	A & B	Bil Premis	Bil Aduan / Ops	Kompaun / Notis
2018	A	700	13.78%				
	B	1075	21.17%	34.95%			
	C	3304	65.05%		5079	363	538
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>5079</b>	<b>100.00%</b>				

CARTA PAI 1 : MENUNJUKKAN PERATUSAN PENGGREDEN PREMIS MAKANAN 2018



### JADUAL 7 : LAPORAN PENG AUDITAN TANDAS DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2018

Bil	Taraf Bintang	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel	Tandas Pasaraya	Tandas Pasar Awam	Tandas Kompleks Makanan	Tandas Milik MPSP	Stesen Bas	Restoran/ Kedai Makanan	JUMLAH
1	0 Bintang	0	0	0	0	0	0	1	0	45	<b>46</b>
2	1 Bintang	3	2	0	0	2	3	1	0	129	<b>140</b>
3	2 Bintang	36	5	0	1	5	4	2	0	167	<b>220</b>
4	3 Bintang	30	20	0	2	5	5	12	0	471	<b>545</b>
5	4 Bintang	15	20	0	4	4	4	13	1	121	<b>182</b>
6	5 Bintang	10	13	12	4	0	1	4	0	313	<b>357</b>
7	Naik Taraf	3	1	0	0	0	0	0	0	0	<b>4</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>97</b>	<b>61</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>16</b>	<b>17</b>	<b>33</b>	<b>1</b>	<b>1246</b>	<b>1494</b>

Bil	Taraf Bintang	Restoran/ Kedai Makanan	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel
1	0 Bintang	0	0	0	0
2	1 Bintang	0	2	0	0
3	2 Bintang	0	36	4	0
4	3 Bintang	2	27	8	0
5	4 Bintang	5	20	4	4
6	5 Bintang	10	8	4	3
7	Naik Taraf	0	2	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>17</b>	<b>95</b>	<b>20</b>	<b>7</b>

### JADUAL 8 : LAPORAN PENG AUDITAN TANDAS DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2018 – DAERAH SPU

Bil	Taraf Bintang	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel	Tandas Pasaraya	Tandas Pasar Awam	Tandas Kompleks Makanan	Tandas Milik MPSP	Stesen Bas	Restoran/ Kedai Makanan	JUMLAH
1	0 Bintang	0	0	0	0	0	0	0	0	16	<b>16</b>
2	1 Bintang	3	2	0	0	2	3	1	0	25	<b>36</b>
3	2 Bintang	36	3	0	1	4	2	0	0	50	<b>96</b>
4	3 Bintang	16	18	0	1	2	3	4	0	110	<b>154</b>
5	4 Bintang	9	13	0	2	1	4	0	1	33	<b>63</b>
6	5 Bintang	7	5	1	2	0	0	0	0	88	<b>103</b>
7	Naik Taraf	2	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>2</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>73</b>	<b>41</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>9</b>	<b>12</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>322</b>	<b>470</b>

Bil	Taraf Bintang	Restoran/ Kedai Makanan	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel
1	0 Bintang	0	0	0	0
2	1 Bintang	0	2	0	0
3	2 Bintang	0	34	0	0
4	3 Bintang	0	14	4	0
5	4 Bintang	1	9	4	4
6	5 Bintang	3	7	4	0
7	Naik Taraf	0	2	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4</b>	<b>68</b>	<b>12</b>	<b>4</b>

**JADUAL 9 : LAPORAN PENGAUDITAN TANDAS DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2018 – DAERAH SPT**

Bil	Taraf Bintang	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel	Tandas Pasaraya	Tandas Awam	Tandas Kompleks Makanan	Tandas Milik MPSP	Stesen Bas	Restoran/ Kedai Makanan	JUMLAH
1	0 Bintang	0	0	0	0	2	1	1	0	20	<b>24</b>
2	1 Bintang	0	0	0	0	0	0	0	0	76	<b>76</b>
3	2 Bintang	0	1	0	0	0	0	2	0	97	<b>100</b>
4	3 Bintang	3	1	0	0	1	1	8	0	322	<b>336</b>
5	4 Bintang	0	2	0	0	0	1	13	0	54	<b>70</b>
6	5 Bintang	0	5	3	0	0	0	4	0	125	<b>137</b>
7	Naik Taraf	1	1	0	0	0	0	0	0	0	<b>2</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>28</b>	<b>0</b>	<b>694</b>	<b>745</b>

Bil	Taraf Bintang	Restoran/ Kedai Makanan	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel
1	0 Bintang	0	0	0	0
2	1 Bintang	0	0	0	0
3	2 Bintang	0	0	0	0
4	3 Bintang	0	0	0	0
5	4 Bintang	1	3	0	0
6	5 Bintang	3	0	0	1
7	Naik Taraf	0	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>1</b>

**JADUAL 10 : LAPORAN PENGAUDITAN TANDAS DAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AWAM 2018 – DAERAH SPS**

Bil	Taraf Bintang	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel	Tandas Pasaraya	Tandas Pasar Awam	Tandas Kompleks Makanan	Tandas Milik MPSP	Stesen Bas	Restoran/ Kedai Makanan	JUMLAH
1	0 Bintang	0	0	0	0	0	0	0	0	9	<b>9</b>
2	1 Bintang	0	0	0	0	0	0	0	0	28	<b>28</b>
3	2 Bintang	0	1	0	0	1	2	0	0	20	<b>24</b>
4	3 Bintang	11	1	0	0	3	1	0	0	39	<b>55</b>
5	4 Bintang	6	5	0	1	3	0	0	0	34	<b>49</b>
6	5 Bintang	3	3	2	1	0	1	0	0	100	<b>110</b>
7	Naik Taraf	0	0	0	0	0	0	0	0	0	<b>0</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>20</b>	<b>10</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>230</b>	<b>275</b>


Bil	Taraf Bintang	Restoran/ Kedai Makanan	Tandas Masjid	Tandas Stesen Minyak	Tandas Hotel
1	0 Bintang	0	0	0	0
2	1 Bintang	0	0	0	0
3	2 Bintang	0	0	4	0
4	3 Bintang	2	11	4	0
5	4 Bintang	1	6	0	0
6	5 Bintang	2	3	0	2
7	Naik Taraf	0	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>5</b>	<b>20</b>	<b>8</b>	<b>2</b>

6.2.3. Unit Kawalan Kacauganggu.

**JADUAL 11 : JUMLAH BURUNG GAGAK YANG TELAH DIMUSNAHKAN 2018**

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis	Jumlah
Tembak (kg)	-	-	609.4	407.5	261.5	272.2	181	84.7	138.7	47.5	105.7	47.2	2160.4
(Ekor)	-	-	1829	1223	785	832	543	255	416	143	317	142	6485
Perangkap	-	129	113	142	-	-	-	-	-	-	-	-	384
<b>Jumlah Tembak + Perangkap (Ekor)</b>													<b>6869</b>

**CARTA BAR 1 : JUMLAH BURUNG GAGAK YANG TELAH DIMUSNAHKAN 2018  
– RINGKASAN MENGIKUT DAERAH**



**JADUAL 12 : AKTIVITI RAMPASAN SPEAKER BURUNG WALIT TAHUN 2016 – 2018**

	2016	2017	2018
JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	130	134	50
BIL. OPERASI DIJALANKAN	20	20	10
BIL. PREMIS DIBUAT RAMPASAN SPEAKER	46	48	13

6.2.4 Unit Kawalan Semak Samun Dan Pembangunan.

**JADUAL 13 : AKTIVITI PENGUATKUASAAN SEMAK SAMUN BAGI TAHUN 2016 – 2018**

	2016	2017	2018
JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	899	580	667
JUMLAH KOMPAUN DIKELUARKAN	149	112	105
JEMLAH KES SELESAI	369	335	486

**JADUAL 14 : ULASAN PELAN BANGUNAN DAN SUSUNATUR DAN PERMOHONAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI 2016 – 2018**

Bil	JENIS ULASAN	2016	2017	2018
1	PELAN SUSUNATUR	317	308	225
2	SIJIL LAYAK MENDUDUKI	5	58	2
	JUMLAH	634	537	227

#### 6.2.5. Unit Perkhidmatan Klinik

**JADUAL 15 : PERKHIDMATAN KLINIK BAGI PENGENDALI MAKANAN YANG DIBERI IMUNISASI DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN 2014 – 2018**

TAHUN	BILANGAN INDIVIDU	PEMERIKSAAN KESIHATAN / SUNTIKAN IMUNISASI
2014	11304	11304
2015	10040	10040
2016	9850	9850
2017	6525	6525
2018	6857	6857
JUMLAH	<b>44576</b>	<b>44576</b>

### 6.3 Laporan dan Statistik Bagi Bahagian Veterinar

**JADUAL 16 : JENIS DAN BILANGAN PERMOHONAN LESEN BAHAGIAN VETERINAR**

Bil	JENIS LESEN	2016	2017	2018
1	Ternakan lembu / kambing	9	50	13
2	Ternakan Khinzir	-	-	0
3	Ternakan Ikan / Udang	-	-	1
4	Ternakan Ayam	-	7	6
5	Ternakan Burung	-	-	-
6	Memproses Ayam / Itik	2	-	-
7	Patil / Lesen Anjing	<b>2,821</b>	<b>6,984</b>	<b>5,156</b>

**JADUAL 17 : BILANGAN TANGKAPAN HAIWAN MERAYAU DAN JUMLAH KUTIPAN DENDA**

JENIS TERNAKAN	2016	2017	2018
Lembu	25	2	9
Kambing	32	14	3
Kerbau	0	0	0
Khinzir	0	17	0
Jumlah	57	33	12
<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL</b>	<b>RM 7,540.00</b>	<b>RM 4,309.00</b>	<b>RM 8,304.00</b>

**JADUAL 18 : BILANGAN TANGKAPAN DISITA**

JENIS TERNAKAN	2016	2017	2018
Lembu	13	0	0
Kambing	0	0	0
<b>JUMLAH KUTIPAN HASIL</b>	<b>RM 3,100.00</b>	<b>RM 0</b>	<b>RM 0</b>

**JADUAL 19 : BILANGAN TANGKAPAN HAIWAN BERKELIARAN**

JENIS HAIWAN	2016	2017	2018
Anjing	4095	3206	3306
Kucing	624	1046	1053
<b>JUMLAH</b>	<b>4719</b>	<b>4252</b>	<b>4359</b>

**JADUAL 17 : BILANGAN PEMANDULAN HAIWAN KESAYANGAN**

JENIS HAIWAN	2016	2017	2018
Anjing	547	30	18
Kucing	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>547</b>	<b>30</b>	<b>18</b>

**JADUAL 18 : BILANGAN PENGETAHUAN KOMPAUN DAN NOTIS (VETERINAR)**

BIL	UNIT	2016		2017		2018	
		KOMPAUN	NOTIS	KOMPAUN	NOTIS	KOMPAUN	NOTIS
1	Unggas	157	125	235	189	68	79
2	Khinzir	406	279	451	135	201	66
3	Ruminan	122	21	102	14	109	48
4	Haiwan Kesayangan	388	523	910	351	183	214
5	Akuakultur	53	7	52	8	55	1
<b>JUMLAH</b>		<b>1126</b>	<b>955</b>	<b>1750</b>	<b>697</b>	<b>616</b>	<b>408</b>



# JABATAN LANDSKAP

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN LANDSKAP

### PENGENALAN

Jabatan Landskap mula ditubuhkan pada 1 April 2013 yang merangkumi jumlah kakitangan sediada iaitu seramai 254 orang kakitangan. Pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan landskap di Seberang Perai meliputi keseluruhan kawasan tadbir MPSP yang berkeluasan 738.38km persegi. Teras perkhidmatan di Jabatan ini adalah merangkumi pembangunan dan penyelenggaraan landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*). Selain itu juga, kawasan-kawasan lapang (yang disediakan melalui syarat pembangunan) turut diselenggara oleh Jabatan. Jumlah bilangan yang terlibat adalah sebanyak 1,498 buah kawasan lapang yang merangkumi jumlah keluasan sebanyak 2.28 juta meter persegi.

### VISI JABATAN LANDSKAP

Menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan perancangan pembangunan landskap yang responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

### MISI JABATAN LANDSKAP

Menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan hijau serta mempunyai struktur landskap yang indah dan selamat.

### OBJEKTIF JABATAN LANDSKAP


- Mewujudkan persekitaran hidup yang bersih, indah, selesa serta selamat selaras dengan inisiatif '*Cleaner, Safer and Healthier Penang*'.
- Memandu dan mengawal selia pembangunan landskap serta pemeliharaan pokok-pokok bagi seluruh Seberang Perai berdasarkan Peruntukan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 1995)
- (Seksyen 35A-35H Akta 172)
- Memelihara keseimbangan antara pembangunan dengan alam sekitar melalui perlaksanaan pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- Memastikan pembangunan landskap, taman-taman awam, kawasan lapang dan kemudahan rekreasi yang berkualiti, berdaya maju dan kos efektif.
- Menggalakkan pembangunan industri landskap di Seberang Perai.

## FUNGSI JABATAN

- Merancang, merekabentuk dan membangunkan projek-projek landskap taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga Seberang Perai berpandukan kepada Pelan Induk Landskap Majlis.
- Urusetia jawatankuasa perancangan, pembangunan dan pengindahan.
- Mengkaji dan meluluskan permohonan landskap sebelum pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan (CCC).
- Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisyen dan selamat.
- Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok.
- Membangun, menyelenggara, memperbanyakkan dan meningkatkan taman-taman khas bagi tarikan pelancong.
- Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.
- Memberi khidmat nasihat mengenai landskap kepada agensi, sekolah dan NGO.
- Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap yang melibatkan penyertaan orang awam.
- Pengekalan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan landskap secara berterusan dan mampan.
- Pengurusan projek landskap 7P's ("PEOPLE, PUBLIC, PRIVATE, PHILANTROPY, PHILOSOPHER, PLANET, PARTNERSHIP")
- Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak dan taman awam.

## PIAGAM PELANGGAN

- Melaksanakan kerja-kerja pangkas 1,000 batang pokok teduhan landskap di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran setiap bulan.
- Membaiki kerosakan kecil alat permainan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh aduan diterima.



## LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN BAGI TAHUN 2018

Bil	PIAGAM PELANGGAN	JUMLAH DITERIMA	SIAP DILAKSANAKAN	% PENCAPAIAN
1	Melaksanakan kerja-kerja pangkasan 1,000 batang pokok teduhan landskap di Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran setiap bulan.	18,325 nos	18,325 nos	100%
2	Membaiki kerosakan kecil alat permainan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh aduan diterima.	16 kes	16 kes	100%

## LAPORAN PENCAPAIAN DASAR DAN OBJKTIF KUALITI, PRESTASI PELAKSANAAN DAN KEPATUHAN BAGI TAHUN 2018

Bil	PROSES KERJA (SEBELUM BPR)	% PENCAPAIAN	ANALISA
1	Memastikan Permohonan Pelan Landskap diberi kelulusan 14 hari daripada tarikh permohonan diterima.	100%	Bilangan permohonan yang diterima dari bulan Januari hingga Disember 2018 adalah sebanyak 50 permohonan dan pencapaian adalah sebanyak 50 permohonan telah diberi kelulusan dalam tempoh 14 hari.

## STATISTIK PENANAMAN POKOK 2018

MPSP	PEMAJU
JANUARI	100
FEBRUARI	60
MAC	39
APRIL	63
MEI	60
JUN	65
JULAI	83
OGOS	92
SEPTEMBER	5,110
OKTOBER	59
NOVEMBER	59
DISEMBER	52
<b>JUMLAH</b>	<b>5,842</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN = 12,326 Batang Pokok</b>	

## CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)

Program merupakan cetusan awal Y.A.B Ketua Menteri yang menyarankan agar badan profesional dan sektor swasta menyumbang melaksanakan "Corporate Sosial Responsibiliti" (CSR) terutama "park and garden" seperti mencantikkan atau mewujudkan lebih banyak kemudahan di sesuatu kawasan. Tujuan CSR juga adalah mewujudkan lebih banyak kawasan landskap dan kawasan rekreasi untuk orang ramai. Program CSR di Seberang Perai telah bermula pada tahun 2011.

### FAEDAH – FAEDAH PROGRAM CSR

PIHAK SWASTA	PIHAK MPSP
"Smartpartnership"	Mengindah dan menceriakan Seberang Perai
Memberi nama dan imej baik kepada masyarakat	Menjimatkan kos dari segi perlaksanaan dan penyelenggaraan
Mempromosi syarikat secara tidak langsung	Mempamerkan rekabentuk landskap yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai
	Mewujudkan mercu tanda dan identity di kawasan – kawasan strategik

Pada tahun 2016, "**Corporate Social Responsibility**"(CSR) telah dibuat penambahbaikan dan telah dijenama baharu kepada "**PUBLIC, PRIVATE, PEOPLE, PARTNERSHIP-4P's**" dan pada tahun 2017 ianya sekali lagi telah dibuat penambahbaikan yang menjadikan 4P's kepada **7P's** iaitu "**PEOPLE, PUBLIC, PRIVATE, PHILANTROPY, PHILOSOPHER, PLANET, PARTNERSHIP**"

Status 7P's di Seberang Perai khususnya dilaksanakan Majlis Perbandaran Seberang Perai(MPSP) adalah seperti berikut :-

Daerah	Bilangan Lokasi	Siap laksana	Dalam perlaksanaan oleh penaja	Belum dilaksana oleh penaja	Baki belum ada penaja	Kos Penajaan (RM)
Seberang Perai Utara (SPU)	18	8	-	2	8	3,155,176.58
Seberang Perai Tengah (SPT)	40	23	-	3	14	3,828,544.12
Seberang Perai Selatan (SPS)	17	6	-	1	10	2,043,500.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>72</b>	<b>34</b>	<b>-</b>	<b>6</b>	<b>32</b>	<b>9,027,220.70</b>

## PROJEK 7PS BAGI TAHUN 2018

**Projek 7Ps**  
**Upcycle Park,**  
**Bandar Perda**

Seberang Perai Tengah

**Latar Belakang**  
Program Eco CSR 2018 Bersempena Dengan Kempen Environement, Safety & Health (EHS) Bersama Panasonic Automotive System Malaysia Sdn Bhd.

Tarikh: 29 September 2018  
Masa: 8.00 Pagi  
Tempat: Upcycle Park, Bandar Perda

Sumbangan melibatkan komponen seperti berikut:  
 - 30 Nos Pokok Tekoma  
 - I Set Kerusi Dan Meja Batu  
 - I Unit Signboard Kesedaran Kesihatan  
 - Pembersihan Kawasan Oleh Team Panasonic

<b>Lokasi</b>	<b>Penaja</b>	<b>Tahun</b>
Upcycle Park, Bandar Perda	Panasonic Automotive System Malaysia Sdn Bhd	2018




**Kos**  
**RM 15,400.00**

**Komponen**  
Penanaman 30 batang pokok *Tabebuia spp. (tecoma)*



**Projek 7Ps**  
**Upcycle Park,**  
**Bandar Perda**

Seberang Perai Tengah

**Latar Belakang**  
Program Khidmat Masyarakat Fakulti Kejuruteraan Uelektrik UITM Permatang Pauh Telah Diadakan Pada 24 Oktober 2018 Bertempat Di Upcycle Park, Bandar Perda. Program Ini Telah Dirasmikan Oleh Ahli Majlis MPSP Puan Shuhada.

Antara komponen cadangan adalah seperti berikut:  
 - Basikal Elektrik Dari Bahan Terpakai  
 - Kerja Kerja Mengecat Semula Jambatan, Arca Dan Railing Di Taman Tunku Seberang Jaya, SPT.

<b>Lokasi</b>	<b>Penaja</b>	<b>Tahun</b>
Upcycle Park, Bandar Perda	UITM Permatang Pauh	2018




**Kos**  
**RM6,180.00**

**Komponen**  
Pemasangan Basikal elektrik  
Kerja kerja mengecat

**Projek 7Ps**  
**Rezab Sungai Kerian, Kg Che Isa, Teluk Ipil**

**Seberang Perai Selatan**

**Latar Belakang**

Lokasi penanaman adalah di sebahagian rezab Sungai Kerian berhampiran Kampung Che Isa, Kuala Ipil, SPS. Anggaran keluasan tapak yang terlibat adalah berkeluasan 2100 meter persegi.

Pokok yang ditanam adalah dari spesis Berembang (Sonneratia caseolaris) berjumlah 200 batang pokok pada purata ketinggian 2 kaki.

Peserta yang terlibat merupakan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Malaysia Refining & Marketing Bhd Petron (PETRON) & Penang Inshore Fishermen Welfare Association (PIFWA) yang beranggaran seramai 80 orang.

Program penanaman ini mendapat tajaan sepenuhnya daripada pihak PETRON yang dianggarkan sebanyak RM20,000.00.

Pihak PETRON bergiat aktif dalam program pemeliharaan dan pemuliharaan Alam Sekitar. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti : Pembersihan pantai & pemuliharaan pokok bakau di Port Dickson Pemuliharaan pokok bakau di Kuantan 2 tahun berturut-turut Pembersihan & Penanaman Pokok Rhu di Taman Rekreasi Pantai Robina , SPU

**Lokasi**  
**Rezab Sungai Kerian, Kg Che Isa**

**Penaja**  
**PETRON**

**Tahun**  
**2018**

**Kos**  
**RM 20,000.00**

**Komponen**  
 Penanaman 200 batang pokok Berembang

**Projek 7Ps**  
**Penanaman Pokok Golden Penda 5,100**

**Seluruh Seberang Perai**

**Latar Belakang**

Majlis pelancaran diadakan pada 7 September 2018 (Jumaat) bertempat di kawasan lapang Taman Semilang (lokasi utama), Seberang Jaya jam 9.00 pagi oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow.

Program ini juga adalah bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-61 dimana MPSP akan melaksanakan program penanaman pokok dari spesis XANTHOSTEMON CHRYSANTHUS (GOLDEN PENDA) yang melibatkan sebanyak 5100 batang pokok yang ditanam secara serentak di empat (4) lokasi kawasan lapang/rekreasi, satu (1) lokasi melibatkan rizab / bahu jalan, Dua (2) lokasi institusi perubatan serta 38 buah lokasi sekolah yang telah memenangi Anugerah Sekolah Hijau. Butiran lokasi adalah seperti di lampiran B.

Pelaksanaan program ini adalah secara "People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet & Partnership - 7P's" yang melibatkan MPSP, Ahli Majlis MPSP, syarikat swasta,, guru-guru serta murid sekolah.

Sebanyak 5,100 batang pokok akan ditanam di seluruh Seberang Perai pada pagi ini dimana Ahli Majlis MPSP telah menyumbangkan sebanyak 450 batang pokok, sumbangan dari pihak pemaju adalah sebanyak 1,873 batang pokok dan selebihnya adalah daripada bekalan MPSP sendiri

**Lokasi**  
**Seluruh Seberang Perai Sekolah Hijau**

**Penaja**  
**MPSP & Agensi Swasta**

**Tahun**  
**2018**

**Kos**  
**RM 509,885.00**

## PROJEK DAN PROGRAM DI JABATAN LANDSKAP BAGI TAHUN 2018

### TAMAN KOMUNITI MELALUI KONSEP SATU (1) BAYI SATU (1) POKOK DI SEBERANG PERAI



### LALUAN KHAS BERBASIKAL “CYCLE TO WORK”



### **MAJLIS PERASMIAN TAMAN FOTOGRAFI,TAMAN REKREASI AWAM TAMAN SEMILANG, SPT**



Majlis Perasmian Taman Fotografi  
Telah Diadakan Pada 15 Disember  
2018 Di Taman Rekreasi Awam  
Taman Semilang, Seberang Perai  
Tengah.

Penyertaan Adalah Daripada Pejabat  
Ketua Menteri, Pejabat Adun  
Seberang Jaya, Ahli Majlis MPSP,  
Jabatan-Jabatan Dalamans MPSP  
Dengan Kerjasama Northsantara  
Artwave & Think City.



### **PEMBANGUNAN LANDSKAP PERSEKITARAN KEHIDUPAN TAHUN 2018 DI SEBAHAGIAN LOT 580, 582, 583 & 1441, MUKIM 6, LORONG PAUH JAYA 4/9, TAMAN PAUH JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH.**



Cadangan naiktaraf tanah lapang taman pauh jaya dengan peruntukan  
daripada Jabatan Landskap Negara.

Anggaran peruntukan sebanyak RM 500,000.00. komponen  
cadangan: dataran kejat, laluan pejalan kaki, gelanggang serbaguna,  
outdoor gym dan alat permainan.

Sesi kumpulan tumpu bincang telah diadakan pada 13 Oktober 2018  
di taman pauh jaya, SPT.

Melibatkan persatuan penduduk, KRT, JKKK kawasan, MPSP, PWDC  
dan orang awam.

Pengisian program: pertandingan mewarna, zumba, plogging dan sesi  
KTB.



## MERCUTANDA'I ♥ SEBERANG PERAI'



KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG MERCUTANDA'I ♥ SEBERANG PERAI' DI:(i) SUSUR KELUAR DARI JALAN BARU, SEBERANG PERAI TENGAH, KE LEBUHRAYA UTARA SELATAN (ii) SUSUR MASUK KE JALAN BARU, SEBERANG PERAI TENGAH, DARI LEBUHRAYA UTARA SELATAN (iii) DI BAHU JALAN, JALAN PERMATANG KELING, SEBERANG PERAI SELATANUNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

KONTRAKTOR :WAHYU VENTUREKOS

PROJEK :RM48,279.00  
TEMPOH PROJEK :TIGA (3) MINGGU

### Program penanaman pokok Golden Penda Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61



Program penanaman pokok Golden Penda Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 telah dilaksanakan pada 07 September 2018. Sebanyak 5,110 pokok Golden Penda telah ditanam secara serentak di seluruh Seberang Perai dan mendapat pengiktirafan dari The Malaysia Book of Records (MBR).

## **Program Eco-Therapy Dan Forest Bathing 2018**



Lokasi dan tarikh Program Eco-Therapy & Forest Bathing 2018:

1. Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, SPT - 04 Mac 2018
2. Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, SPU - 23 Jun 2018
3. Taman Negeri Bukit Panchor, SPS - 07 Julai 2018
4. Taman Rimba Cherok Tokun, Bukit Mertajam, SPT - 29 September 2018
5. Hutan Simpan Bukit Juru, Bukit Mertajam, SPT - 03 November 2018
6. Pulau Aman, Batu Kawan, SPS - 15 Disember 2018




# JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

### FUNGSI DAN PERANAN

- Mewujudkan persekitaran dan kejiraninan yang bersih dan selesa di Seberang Perai.
- Melipat gandakan usaha kawalan, pengurusan dan penyeliaan yang lebih efektif keatas tapak pelupusan dan pemindahan sampah di samping pengamalan kaedah-kaedah yang positif dengan impak negatif yang paling minima.
- Menggalakkan penglibatan komuniti dengan aktiviti pengasingan sisa dipunca melalui peningkatan kesedaran masyarakat terhadap program kitar semula.
- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil MPSP dan mendidik orang ramai menjaga kebersihan alam sekitar.



### ULASAN JUMLAH KAKITANGAN JPP MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2018

PERKARA	GRED	P41	P42	P43	P44	P45	P46	P46	P46	P47	PJBT	JUM
PENGARAH	U52										1	1
TIMBALAN PENGARAH	U48										0	0
PEN. PENG KANAN	N44										1	1
PEN. PENGARAH	N41										2	2
PEN. PENGARAH	U41										1	1
KPPPK	U36										1	1
PPKP	U32										2	2
PPT	N36										1	1
PPKP	U29	0	1	1	1	1	1	1	1	0	0	7
KAKITANGAN	PEM.TADBIR KANAN	N22									1	1
	PEM KES AWAM (KANAN)	U22	1	0	1	0	1	1	1	0	0	6
	PEMBANTU TADBIR	N19	0	1	1	2	1	1	1	1	10	19
	PEM PENG./PENYELIA	N19	0	3	3	2	5	2	4	4	2	25
	PEM. KES AWAM	U19	2	1	1	2	0	1	0	0	3	10
	MANDOR	H14	0	5	4	3	3	3	2	1	1	0
	MANDOR	H11	14	10	8	9	6	11	7	6	14	0
	PEMBANTU AWAM	TETAP	44	37	72	35	19	27	10	11	23	0
	PEMBANTU AWAM	KONTRAK	118	112	237	231	176	146	198	144	267	1
	PEMBANTU AM PEJ	H11									1	1
PEMANDU	TETAP	H11	2	3	4	5	3	2	1	1	4	1
	KONTRAK	H11	9	7	11	11	18	6	9	10	17	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>180</b>	<b>180</b>	<b>343</b>	<b>301</b>	<b>233</b>	<b>201</b>	<b>234</b>	<b>180</b>	<b>332</b>	<b>23</b>	<b>2217</b>

### JUMLAH KENDERAAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT TAHUN

JENIS	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
<b>Compact Loader</b>	23	23	33	46	69	71	71	71	70
<b>Open Truck</b>	21	18	19	13	13	15	14	14	14
<b>Back hoe</b>	3	3	8	7	6	7	7	7	7
<b>Traktor</b>	5	5	6	5	5	3	6	6	6
<b>Ro-Ro</b>	8	14	12	17	17	18	17	17	17
<b>Kren</b>	6	6	11	7	7	9	8	8	8
<b>Lori tipper</b>	3	8	2	17	28	52	63	63	63
<b>High Pressure Jetting</b>	-	1	1	2	3	3	3	3	3
<b>Road sweeper</b>	-	-	1	3	3	3	3	3	3
<b>Motosikal</b>	-	-	-	-	-	10	9	9	9
<b>Land cruiser</b>	1	1	1	1	1	1	1	1	1
<b>Pick up</b>	1	1	1	1	1	1	1	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>71</b>	<b>80</b>	<b>95</b>	<b>119</b>	<b>153</b>	<b>193</b>	<b>203</b>	<b>203</b>	<b>202</b>

Jadual di atas menunjukkan jumlah kenderaan Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan dari tahun 2010 hingga 2018. Berdasarkan statistik berikut Jumlah kenderaan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan komitment dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan untuk memastikan penduduk seberang perai berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh MPSP dibawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan. Disamping itu, Sistem Kutipan sampah secara "In-House" yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk diaplikasikan oleh MPSP dapat dijalankan dengan lebih efisyen dan efektif.

Berdasarkan jadual diatas, Pada tahun 2018 berlaku pengurangan beberapa buah kenderaan jabatan berbanding tahun sebelumnya. Hal ini terjadi melalui 2 faktor iaitu samada dipinjamkan ke jabatan-jabatan lain (kesihatan untuk operasi pembasmian anjing liar) ataupun dilupuskan dari senarai aset Majlis.

### JUMLAH KENDERAAN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT TAHUN

JENIS	P41	P42	P43	P44	P45	P46 (JB)	P46 (AM)	P46 (IW)	P47	IP	JUMLAH
Compact Loader	8	6	8	10	10	6	6	6	11	-	71
Open Truck	1	1	3	2	2	2	1	1	1	-	14
Back hoe	1	-	1	1	1	-	-	-	1	-	5
Traktor	1	-	-	1	1	-	1	-	1	-	5
Ro-Ro	2	2	4	2	2	1	1	2	2	-	17
Kren	-	1	1	2	2	1	1	-	1	-	8
Lori tipper	6	6	7	8	8	5	5	8	8	-	61
High Pressure Jetting	1	-	-	21	-	-	-	-	1	-	3
Road sweeper	-	-	1	1	-	-	-	-	1	-	3
Motosikal	-	1	2	1	-	1	1	-	1	-	7
Land cruiser	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pick up	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	1
JUMLAH	20	17	27	29	25	16	16	17	28	-	195

Berdasarkan jadual diatas, Berikut merupakan pecahan jumlah kenderaan mengikut penempatan di setiap parlimen. Jumlah kenderaan diagih mengikut keluasan kawasan dan kepadatan penduduk di sesuatu kawasan. Semua aset Jabatan Perkhidmatan Perbandaran digunakan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Seberang Perai. Kenderaan jabatan yang mencukupi memudahkan jabatan sekiranya terdapat keperluan penggunaan kenderaan tersebut tanpa perlu membuat pinjaman kenderaan daripada jabatan lain.

### SENARAI ALATAN DAN MESIN JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI PENEMPATAN TAHUN 2018

JENIS	P41	P42	P43	P44	P45	P46 (JB)	P46 (AM)	P46 (IW)	P47	IP	JUMLAH
Mesin potong rumput	50	41	55	54	44	48	41	41	65	-	439
Blower	10	10	12	8	8	11	4	6	8	-	77
Chain saw	3	2	5	3	3	3	2	1	2	-	24
Water pressure pump	2	2	2	2	2	3	1	1	2	-	17
Kamera	-	-	-	1	2	-	-	1	-	-	4
JUMLAH	65	55	74	68	58	65	48	50	77	-	561

Senarai alatan dan mesin yang dibekalkan oleh jabatan Perkhidmatan Perbandaran kepada setiap depoh adalah bertujuan untuk memudahkan pekerja dalam menjalankan tugas dilapangan. Selain itu, Tujuan alatan dan mesin ini dibekalkan adalah untuk melancarkan kerja-kerja dan pemantauan pembersihan dikawasan tersebut. Semua aset Jabatan Perkhidmatan Perbandaran yang dibekalkan adalah modus operandi untuk perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Seberang Perai.


## Unit Pembersihan

- Mengurus dan menjalankan aktiviti pembersihan am seperti pembersihan parit, longkang dan penyapuan jalan seluruh Seberang Perai.
- Mengurus dan menjalankan aktiviti kutipan sampah di seluruh Seberang Perai
- Mengurus dan menyelaras aktiviti-aktiviti pemotongan rumput di taman-taman permainan awam.
- Mengurus aktiviti pemotongan rumput bahu jalan di jalan-jalan negeri.
- Menguatkuasa Undang Undang Kecil MPSP dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan fungsi jabatan.

## PENGASINGAN SISA DI PUNCA

Sebanyak 476,992 tan metrik sampah telah dilupuskan oleh MPSP sepanjang tahun 2018. Jumlah ini menunjukkan penambah sebanyak 5.3% daripada 453,033 tan metrik sampah pada tahun sebelumnya. Peratusan penambahan ini adalah menunjukkan satu pencapaian yang kurang memuaskan memandangkan tren beratan sampah yang dilupuskan di Seberang Perai adalah menaik berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pecahan sampah mengikut kategori domestik dan sisa industri bagi tahun 2018 masing-masing adalah sebanyak 246,986 dan 230,006 tan metrik. Biarpun penambahan sampah industri memberi impak negatif kepada kempen kesedaran dan pendidikan kitar semula yang ditumpukan kepada pemilik industri, namun begitu jabatan berharap kewujudan Program Pengasingan Sisa di Punca ini sentiasa dititik beratkan oleh setiap individu dan juga segenap lapisan masyarakat.





## DASAR PENGASINGAN SISA DIPUNCA

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Perlesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula mulai 1 Jun 2016.
- Dalam tempoh satu tahun, kedua dua PBT perlu melaksanakan kempen dan pendidikan untuk kesedaran penduduk.
- Tindakan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca fasa 1 telah dijalankan bagi bangunan milik strata mulai 01 Jun 2017.
- Tindakan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca fasa 11 pula dijalankan terhadap premis komersial bermula 01 Januari 2018.

**Kebaikan melakukan pengasingan sisa di punca**



Contoh bekas atau tong untuk pengasingan sisa

Antara kebaikan melakukan pengasingan sisa di punca ialah dapat memudahkan proses kitar semula. Apabila sisa atau sampah di rumah diasingkan terlebih dahulu, maka lebih mudahlah bahan buangan seperti kertas, plastik, kaca, dan tin untuk dikitar semula. Bahan kitar semula juga boleh diproses dan dijadikan bahan baharu manakala bahan buangan organik pula boleh dijadikan baja kompos.

Dasar pengasingan sisa di punca ini juga dapat mengurangkan serta menjimatkan kos. Membakar sampah kelihatan seperti murah dan tidak memakan kos yang banyak, namun apabila berlaku pencemaran udara dan penularan penyakit, kos untuk mengatasi masalah-masalah tersebut adalah jauh lebih tinggi berbanding kos pengasingan sisa dan kitar semula.

Jika pengasingan sisa dan kitar semua tidak dilakukan dengan segera, lambat laun setiap tapak pelupusan sampah di negara ini akan penuh dengan sampah sarap dan tidak mampu menampung jumlah sampah yang dihasilkan setiap hari. Dengan adanya dasar pengasingan sisa di punca ini dapat membantu memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan.

Dasar pengasingan sisa di punca ini juga dapat membantu mengurangkan pencemaran dan meminimum risiko penyakit. Pembakaran sampah sememangnya mencemarkan udara, dan udara yang kotor boleh meningkatkan risiko kesihatan.

Apabila terdedah kepada udara yang tercemar dengan asap hasil pembakaran sampah dan plastik, hal ini akan menyebabkan risiko penyakit seperti asma, penyakit jantung, dan sebagainya. Selain itu, sampah sarap yang berbau busuk juga mungkin menjadi tempat makhluk perosak seperti lipas dan tikus untuk membiak, dan seterusnya membawa risiko penyakit berbahaya seperti kencing tikus dan rabies.

## PERBEZAAN DI ANTARA JENIS SISA KITAR SEMULA DAN JENIS SISA BAKI

### JENIS SISA

#### SISA KITAR SEMULA



CONTOH:  
surat khabar / kotak / majalah / kadbood / buku

### JENIS SISA

#### KERTAS

CONTOH:  
Botol plastik/ bekas plastik/ beg plastik/bekas makanan plastik/ baldi plastik

#### PLASTIK

CONTOH:  
Botol kicap / botol minuman / pasu seramik / pinggan

#### KACA/SERAMIK

CONTOH:  
Tin aluminium / tin makanan / besi / logam

#### TIN ALUMINIUM/ BESI/LOGAM

#### SISA BAKI



CONTOH:  
Kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi




CONTOH:  
Lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar

#### SISA MAKANAN

#### SISA KOTOR

### KADAR JUMLAH PENGASINGAN SISA DI PUNCA


TAHUN	BERATAN (KG)	JUMLAH HASIL JUALAN (RM)
2016	60138.90	RM 14,034.23
2017	137790.00	RM 30,049.44
2018	104254.50	RM 21,439.11
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>302183.40</b>	<b>RM65,522.78</b>



### KADAR KITAR SEMULA 2010 - 2018

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
SISA (TONS)	555,956	546,345	528,275	635,555	667,955	666,460	756,198	798,364	902,631
KITAR SEMULA (TONS)	129,804	144,682	157,286	207,849	233,790	282,932	322,189	345,329	425,640
(%)	(23.30%)	(26.48%)	(29.77%)	(32.70%)	(35%)	(39.11%)	(42.60%)	(43.25%)	(47.15%)

### PERBEZAAN JUMLAH KADAR KITAR SEMULA UNTUK TAHUN 2010 - 2018



## AKTIVITI DAN PROGRAM KITAR SEMULA YANG DILAKUKAN PADA TAHUN 2018



### PROGRAM / AKTIVITI “LOCAL ACTION” 21 MPSP

Antara program atau aktiviti “Local Action” 21 yang dilakukan sepanjang tahun 2018 :

- Anugerah Sekolah Hijau
- Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika
- Anugerah Kitar Semula Sekolah-Sekolah
- Anugerah Komuniti Mampan
- Program Sisa Sifar Sekolah
- Program Sisa Sifar Komuniti
- Penyerahan Pasu Bunga Kepada Sekolah
- Pengkomposan
- Program Pengindahan Bandar
- Membuat Mud Ball
- Kempen Makan Sampai Habis
- Kebun Kejiranan (*Community farming*)
- Penyerahan Tong Kitar Semula Kepada Sekolah Tadika
- Pengumpulan Kotak Minuman
- Membuat Sabun Dari Minyak Masak Terpakai
- Membuat Cecair BIM
- Bengkel
- Taklimat
- Lawatan
- Program Upcycle

## PROGRAM PENGINDAHAN BANDAR DAN PROGRAM UPCYCLE




Melalui Program Pengindahan Bandar dan Program upcycle, secara kreatifnya JPP telah menjalankan kerja kerja pengindahan tapak tong sampah dengan menggunakan bahan bahan yang boleh dikitar semula sepanjang tahun 2018. Program-program seperti ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kebersihan dan keindahan kawasan bandaran. Selain itu, program seperti ini juga dapat memelihara kawasan bandar dengan lebih baik dan tidak berada dalam keadaan yang tidak terurus. Wujudnya program program seperti ini juga adalah bertujuan untuk menggalakkan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse, Recycle serta pengasingan sisa pepejal demi kesejahteraan alam dalam kalangan masyarakat pada masa kini dan akan datang.

### ANUGERAH SEKOLAH HIJAU

TAHUN	JUMLAH SEKOLAH
2010	30
2011	36
2012	53
2013	86
2014	106
2015	141
2016	149
2017	152
2018	162

■ JUMLAH SEKOLAH




Sepanjang tahun 2018, sebanyak 162 buah sekolah telah memenangi program Anugerah Sekolah Hijau yang dianjurkan oleh MPSP. Kesemua sekolah sekolah tersebut telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Antara kriteria yang telah ditetapkan adalah seperti menjalankan kaedah penjimatan tenaga elektrik, penjimatan air, serta pengamalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*). Antara aktiviti yang dijalankan oleh sekolah sekolah tersebut termasuk bengkel kompos, pengasingan sisa di punca, bengkel sabun dari minyak terpakai, serta bengkel jus buah buahan tertapai (BIM).



**JUMLAH SAMPAH YANG DILUPUS MENGIKUT PECAHAN DOMESTIK DAN INDUSTRI BAGI  
TAHUN 2006 HINGGA 2018**

TAHUN	DOMESTIK	INDUSTRI	JUMLAH
2006	204,007	259,742	463,749
2007	212,760	277,939	490,699
2008	203,045	268,960	472,005
2009	207,629	220,933	428,562
2010	199,433	226,719	426,152
2011	212,644	189,022	401,667
2012	220,110	163,086	383,196
2013	230,728	196,978	427,706
2014	233,530	200,644	434,175
2015	235,771	204,689	440,460
2016	239,558	194,451	434,009
2017	242,736	210,297	453,033
2018	246,986	230,006	476,992

## TREN BERATAN SAMPAH YANG DIPROSES UNTUK PELUPUSAN OLEH MPSP TAHUN 2006-2016



## CLEANER, GREENER, HEALTHIER & SAFER PENANAN


Pada tahun 2018 jumlah permohonan peralatan gotong-royong yang diterima adalah sebanyak 451. Walaupun jumlah ini telah berkurang berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 471 (2017) dan 539 (2016) tetapi kesedaran dalam kalangan warga Seberang Perai untuk turut serta memelihara kebersihan kawasan terus meningkat dan tidak pernah terhenti.



Walaubagaimanapun, jumlah ini dijangka akan meningkat berikutkan perlaksanaan sistem tempahan peralatan gotong royong secara online yang membantu dalam penyampaian dan kecekapan penyimpanan. Jumlah permohonan peralatan gotong royong yang tinggi diterima melibatkan kawasan seperti Permatang Pauh, Nibong Tebal dan juga Bagan berbanding kawasan yang lainnya.

**JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG MEMOHON BANTUAN PERALATAN  
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DARI TAHUN 2011 HINGGA 2018**

TAHUN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OOG	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
2011	17	21	29	29	61	11	28	6	19	39	11	22	<b>293</b>
2012	20	25	41	59	40	21	49	3	14	19	16	19	<b>326</b>
2013	11	21	24	9	9	44	121	4	18	33	32	24	<b>250</b>
2014	23	28	62	35	40	65	18	20	31	30	48	47	<b>447</b>
2015	43	28	48	44	74	72	5	27	45	94	88	33	<b>601</b>
2016	57	39	54	47	102	25	15	30	31	66	50	23	<b>539</b>
2017	27	38	36	54	88	4	20	47	36	61	33	27	<b>471</b>
2018	16	33	30	56	28	12	33	41	50	43	41	68	<b>451</b>



**JUMLAH AKTIVITI GOTONG ROYONG YANG MEMOHON BANTUAN PERALATAN  
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MENGIKUT LOKASI DEPOH PEMBERSIHAN TAHUN 2014-2018**

TAHUN	P41	P42	P43	P44	P45	P46		P47	JUMLAH	
	JB	IW	AM	JB	IW	AM	JB	IW		
2014	34	52	86	63	51	65	17	79	<b>447</b>	
2015	52	97	81	106	68	72	28	97	<b>601</b>	
2016	60	84	77	92	61	45	43	77	<b>539</b>	
2017	41	68	57	95	41	41	32	71	<b>446</b>	
2018	31	54	61	82	50	JB 20	IW 42	AM 29	68	<b>437</b>

## UNIT ULASAN PLAN

- Memberi ulasan terhadap pelan-pelan (bangunan & kebenaran merancang) yang diterima melalui OSC.
- Memproses permohonan sijil layak menduduki (OC/CCC)

**JUMLAH PERMOHONAN ULASAN PELAN YANG DITERIMA UNTUK DIULAS  
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2018**

TAHUN	Pelan Kebenaran Merancang (OSC)	Sijil Layak Menduduki (OC/CCC)
2010	73	73
2011	81	81
2012	91	91
2013	261	17
2014	290	46
2015	315	20
2016	372	10
2017	415	7
2018	301	5

Jumlah permohonan ulasan pelan yang diterima pada tahun 2018 untuk Pelan Kebenaran Merancang (OSC) ialah 301 dan jumlah ini telah berkurang berbanding tahun sebelumnya manakala untuk jumlah Sijil Layak Menduduki (OC/CCC) pula ialah 5 dan jumlah ini juga turut berkurang berbanding tahun sebelumnya. Bagi setiap pembangunan baru, pemaju perlu membuat

Unit pelan bertanggungjawab bagi memastikan setiap permohonan pembangunan baru sentiasa mengikuti kehendak dan sepsifikasi jabatan perkhidmatan perbandaran. Setiap pembangunan baru, pemaju perlu membuat permohonan melalui Pelan Kebenaran Merancang kepada MPSP. Setiap jabatan dalaman MPSP mahupun jabatan dari luar MPSP akan menyemak permohonan tersebut bagi memastikan permohonan tersebut mengikuti segala spesifikasi jabatan-jabatan terbabit.


Ita penting bagi mengelakkan sebarang kesulitan atau kesukaran setelah pembangunan baru itu siap dibina. Antara fungsi unit pelan jabatan perkhidmatan perbandaran ialah memastikan lokasi pusat pengumpulan sampah ditempatkan di lokasi yang sesuai bagi memastikan lori majlis dapat melakukan kutipan sampah dengan mudah.

Unit pelan juga akan memastikan pusat pengumpulan sampah yang ditunjukkan di atas pelan mempunyai saiz yang sesuai berdasarkan spesifikasi jabatan serta dibekalkan dengan tong sampah yang mencukupi berdasarkan data-data pembangunan yang disediakan pihak arkitek(i.e jumlah unit rumah, luas ruang bangunan). Di samping itu, unit pelan juga bertanggungjawab meminta pemaju menyediakan tong sampah di setiap unit rumah/kedai pejabat di dalam pembangunan baru milikan individu dan memastikan setiap laluan di dalam kawasan pembangunan adalah sesuai bagi kemudahan lori majlis keluar masuk ke kawasan pembangunan ketika kerja-kerja kutipan sampah dilakukan.

Unit pelan juga dengan perbincangan bersama jabatan landskap bertanggungjawab memastikan kawasan lapang di dalam kawasan pembangunan sentiasa mengikuti kehendak majlis. Ia penting kerana jabatan perkhidmatan perbandaran adalah jabatan yang bertanggungjawab menyelenggara kawasan lapang bagi setiap pembangunan skim perumahan milikan individu. Bagi pembangunan Eco City iaitu Bandar Hijau yang terletak di mukim 13 lot 282 Batu Kawan, SPS, unit pelan bertanggungjawab memastikan setiap pembangunan baru di kawasan berkenaan akan menunjukkan dengan jelas setiap kehendak dan spesifikasi majlis di atas pelan. Pembangunan di kawasan berkenaan akan tertakluk dengan syarat-syarat Eco City seperti menyediakan Automated Waste Collection System (AWCS), iaitu pengendalian sisa pepejal melalui rangkaian paip ke pengumpulan sampah berpusat di mana sampah-sampah akan divakumkan terus ke pusat pengumpulan sampah.

#### **JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN ATAS KESALAHAN KEBERSIHAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK TAHUN 2013 HINGGA 2018**

TAHUN	2013	2014	2015	2016	2017	2018
JUMLAH KOMPAUN	928	2,858	3,527	2,160	2,081	1,010



Tindakan penguatkuasaan yang berterusan adalah bertujuan mendidik masyarakat untuk mematuhi undang-undang di samping memelihara keindahan dan kebersihan Seberang Perai. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 1,010 kompaun telah dikeluarkan. Jumlah ini menunjukkan pengurangan berbanding jumlah tahun 2017 iaitu sebanyak 2,081. Hal ni dijangka adalah disebabkan oleh program pendidikan yang banyak dilakukan telah menyebabkan masyarakat Seberang Perai semakin mengikuti peraturan yang telah ditetapkan.

#### **DASAR / PERATURAN / SYARAT YANG DIKENAKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

Dasar / Peraturan / Syarat JPP	Tarikh Diluluskan	Tarikh Kuatkuasa
1. Dasar pemberian ganjaran kepada pemberi maklumat bagi mencegah kekotoran		
2. Dasar mengenakan bayaran terhadap pelupusan buangan perindustrian atau buangan perdagangan	30.10.2013	Batal MP 25/11/2014
3. Peraturan dan syarat-syarat permohonan peralatan gotong-royong		1.6.2012
4. Pengurusan TSAJ-EESB		

<b>Dasar / Peraturan / Syarat JPP</b>	<b>Tarikh Diluluskan</b>	<b>Tarikh Kuatkuasa</b>
5. Pengurusan TPPB- PLB Terang		
6. Green Waste buyback center-EESB		
7. Penguatkuasaan tong sampah (Kertas Makluman)		
8. Waste Generator Pay	11/25/2014	3/1/2014
9. Dasar Kutipan Sampah MPSP	11/25/2014	
10. Dasar pengasingan sisa dipunca		6/1/2016

#### **ADUAN YANG DITERIMA OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SEPANJANG TAHUN 2017 - 2018**

<b>ADUAN SEPANJANG 2018</b>						
	<b>SAMPAH</b>		<b>RUMPUT JALAN</b>		<b>LONGKANG</b>	
<b>BIL</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>
<b>JAN</b>	138	56	25	22	88	56
<b>FEB</b>	156	63	40	12	73	58
<b>MAC</b>	97	49	41	19	118	27
<b>APR</b>	80	36	20	13	81	47
<b>MEI</b>	83	108	38	36	86	77
<b>JUN</b>	100	63	47	38	93	55
<b>JUL</b>	112	84	52	33	113	91
<b>OGO</b>	85	104	41	24	97	111
<b>SEPT</b>	67	85	36	28	70	50
<b>OKT</b>	108	87	39	25	87	52
<b>NOV</b>	103	76	70	14	45	53
<b>DIS</b>						
<b>JUMLAH</b>	<b>1129</b>	<b>811</b>	<b>449</b>	<b>264</b>	<b>951</b>	<b>677</b>

Berdasarkan senarai di atas, terdapat 2529 aduan bagi sepanjang tahun 2018. Kesemua aduan aduan tersebut melibatkan aduan sampah, aduan rumput jalan serta aduan longkang. Pada tahun 2018, sebanyak 1129 aduan sampah telah diterima. Manakala bagi aduan rumput jalan pula sebanyak 449 aduan telah diterima dan seterusnya bagi aduan longkang pula sebanyak 951 aduan telah diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.




# JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

### CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



## WAWASAN MPSP

### VISI

Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi

### MOTO

Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan

### MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

### SENARAI AHLI MAJLIS 2018

BIL	NAMA	EMEL
1	Encik David Marshel A/L Pakianathan	davidmarshal@mpsp.gov.my
2	Puan Shuhada Binti Abdul Rahim	shuhada.abdulrahim@mpsp.gov.my
3	Encik Zulkiply Bin Ishak	zulkiply@mpsp.gov.my
4	Encik A'ziss Bin Zainal Abiddin	aziss@mpsp.gov.my
5	Encik Anuar Bin Yusoff	anuar.yusoff@mpsp.gov.my
6	Puan Heng Yeh Shiuan	ysheng@mpsp.gov.my
7	Encik Mohd Sharmizan Bin Haji Mohamad Nor, PJK	sharmizan@mpsp.gov.my
8	Encik Ong Jing Cheng	jcong@mpsp.gov.my
9	Encik Tan Chee Teong	cttan@mpsp.gov.my
10	Encik Tan Cheong Heng	michaeltan@mpsp.gov.my
11	Encik Wong Chee Keet	ckwong@mpsp.gov.my
12	Encik Zaini Bin Awangm PKT, PJK, PPA	zaini@mpsp.gov.my
13	Dr. Seow Kweng Tian	ktseow@mpsp.gov.my
14	Encik Johnson A/L Anthony Samy	johnson@mpsp.gov.my
15	Puan Marshidaliza Binti Marzuki	marshidaliza@mpsp.gov.my
16	Encik Kang Yau Chuang (Cameron)	cameronkang@mpsp.gov.my
17	Puan Tengku Rasidah Binti Tengku Kamarudin	tengkuasidah@mpsp.gov.my
18	Encik Cheen Goon Hooi (Bernard)	bernardcheen@mpsp.gov.my
19	Encik Jason Raj A/L Kirupanantha	jasonraj@mpsp.gov.my
20	Encik Khong Chee Seong	cs.Khong@mpsp.gov.my
21	Encik Kumaran A/L Krishnan	kumaran@mpsp.gov.my
22	Encik Ooi Yong Wooi	ywooi@mpsp.gov.my
23	Encik Mohamad Akmal Bin Azhar	akmal@mpsp.gov.my
24	Encik Mohd Saifullah Bin Abd Nasir	saifullah@mpsp.gov.my

## BARISAN KETUA BAHAGIAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



**PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN**  
SITI HASLINDA BT HASAN



**TIMBALAN PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN**  
MOHD HAIROL BIN MAN

### BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN



**SHahrul Nizam b. Shazalee**  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan

## BAHAGIAN PENTADBIRAN



**AMIRA BT AHMAD**  
Penolong Pengarah Kanan



**NOR AZIMAH BT ISMAIL**  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan



**NUR EZZUANI BT NGADI**  
Penolong Pegawai Tadbir  
(Kesetiausahaank)



**NURSHEILA BT MARZUKI**  
Penolong Pegawai Tadbir  
(Maklumat)

## BAHAGIAN PEROLEHAN DAN ASET



**LATIFAH RAZALI**  
Penolong Pengarah Kanan



**HARUN BIN SAMSUDIN**  
Penolong Pegawai Tadbir (Aset)



**HUSNA BT ABDULLAH**  
Penolong Pegawai Tadbir (Perolehan)

### BAHAGIAN LATIHAN DAN KOMPETENSI



**SITI RAHIDAH BT ABD HALIM**  
Penolong Pegawai Tadbir



**MUHAMMAD BIN OMAR**  
Penolong Pegawai Tadbir

### BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT



**RASIDAH BT HASHIM**  
Penolong Pegawai Tadbir



**NORWIRDAYANI BT ABDULLAH**  
Penolong Pegawai Tadbir

## PROFIL

Jabatan Khidmat Pengurusan terdiri daripada **185** kakitangan meliputi enam bahagian iaitu:

- i. Bahagian Pentadbiran
- ii. Bahagian Latihan Dan Kompetensi
- iii. Bahagian Kesetiausahaan
- iv. Bahagian Perolehan Dan Aset
- v. Bahagian Kaunter Berpusat
- vi. Bahagian Perkhidmatan Dan Perjawatan

## OBJEKTIF

Memastikan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia MPSP dilaksanakan dengan teratur, efisien dan memuaskan kehendak pelanggan.

## **JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

Menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Pentadbiran AM, Personel & Kebajikan Kakitangan, Pembekalan & Stor, Kontrak & Perkhidmatan dan Kaunter Berpusat.


## **FUNGSI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

- i. Memberi perkhidmatan urusetia kepada jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat serta Majlis Penuh.
- ii. Pembangunan Sumber Manusia - Menyedia ruang serta peluang dan mengurus perkara-perkara yang berkaitan dengan latihan, kursus, pembangunan diri dan kerjaya kakitangan.
- iii. Saluran komunikasi antara pentadbiran MPSP dengan jabatan Kerajaan, badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan Lain.
- iv. Menyediakan sistem kawalan ke atas penggunaan kenderaan Jabatan Khidmat Pengurusan dan juga kebersihan pejabat.
- v. Pengurusan hal-hal berkaitan dengan perolehan dan bekalan MPSP.
- vi. Pengurusan Hal Ehwal Ahli Majlis MPSP.
- vii. Pengurusan Kaunter Berpusat MPSP.

## **PIAGAM PELANGGAN**

1. Memastikan penyampaian perkhidmatan pelanggan di Kaunter Berpusat berdasarkan standard pengukuran seperti berikut :
  - 1.1 Perkhidmatan multiskill dengan purata masa menunggu sebelum berurusan di kaunter tidak melebihi 20 minit.
  - 1.2 Perkhidmatan bayaran dengan purata masa perkhidmatan tidak melebihi lima minit.

## CARTA ORGANISASI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN



## LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN / UNIT

1. BAHAGIAN PENTADBIRAN
2. BAHAGIAN LATIHAN DAN KOMPETENSI
3. BAHAGIAN KESETIAUSAHAAN
4. BAHAGIAN PEROLEHAN DAN ASET
5. BAHAGIAN KAUNTER BERPUSAT
6. BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN PERJAWATAN

### BAHAGIAN PENTADBIRAN

#### 1.1 FUNGSI

Bertanggungjawab menyelaras dan menyelia tugas-tugas berkaitan:

- I. Surat Menyurat yang diterima dan didaftarkan ke dalam sistem E-Surat.
- II. Pengeluaran pelekat OKU dan pelekat kenderaan percuma Majlis Perbandaran Seberang Perai.
- III. Insuran liabiliti awam
- IV. Insuran Kenderaan
- V. Waran kapal terbang
- VI. Menganalisis Penggunaan kertas A4 dan penggunaan air di MPSP
- VII. Kad Inden Minyak dan Panjar Wang Runcit
- VIII. Kad Touch n Go
- IX. Warden lalulintas sekolah
- X. Kemaskini Direktori Telefon MPSP

#### 1.2 MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS TAHUN 2018

SPT	Pasar Awam Seberang Jaya * Perjumpaan diantara Yang Dipertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran bersama Ahli Majlis pada 17 Oktober 2014 memutuskan kadar sewa Pasar Awam Seberang Jaya dan Kompleks Makanan Jalan Tenggiri dinaikkan sebanyak 60% sahaja.	Gerai Tertutup, Berbumbung, Tidak Berkunci	90.00	75.00	180.00	150.00
SPU	Gerai Khinzir Di Pekan Kepala Batas	Gerai Khinzir	65.00	52.00	130.00	104.00
SPS	Pasar Awam Taman Berjaya	Ikan	75.00	60.00	150.00	120.00
		Sayur	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Lembu	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Kambing	65.00	60.00	130.00	120.00
		Daging Khinzir	65.00	50.00	130.00	100.00
		Ayam Proses	75.00	50.00	150.00	100.00
		Gerai Tertutup	120.00	120.00	240.00	240.00
		Petak	30.00	30.00	60.00	60.00

**Kadar Baru Selepas Kajian Semula**  
**(BUKAN KADAR STANDARD)**  
**KOMPLEKS MAKANAN**  
**(KATEGORI 2 – KENAIKAN 60%)**

DAERAH	KOMPLEKS MAKANAN	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPT	Lebuh Kurau 5	Petak Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	95.00	48.00

**Kadar Baru Selepas Kajian Semula**  
**(BUKAN KADAR STANDARD)**  
**PASAR AWAM**  
**(KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)**

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPU	PASAR AWAM SUNGAI DUA	Ikan	75.00	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Khinzir	65.00	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75.00	60.00	105.00	84.00
		Gerai Tertutup	120.00	96.00	170.00	134.40
SPU	PASAR AWAM TASEK GELUGOR	Ikan	75.00	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65.00	52.00	90.00	72.80
		Daging Khinzir	65.00	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75.00	60.00	105.00	84.00
		G/T: Am/Runcit	120.00	96.00	170.00	134.40
		G/T:Makanan	120.00	96.00	170.00	134.40
		Petak	30.00	30.00	40.00	40.00

**Kadar Baru Selepas Kajian Semula**  
**(BUKAN KADAR STANDARD)**  
**PASAR AWAM**  
**(KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)**

DAERAH	PASAR AWAM	JENIS JUALAN	KADAR STANDARD	KADAR SEWA SEBULAN (RM)		
				SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPT	PASAR AWAM SRI PENANTI	Ikan	75	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65	52.00	90.00	72.80
		Daging Lembu	65	52.00	90.00	72.80
		Ayam Proses	75	60.00	105.00	84.00
		G/T: Am/Runcit	120	96.00	170.00	134.40
		G/T: Buah-Buah	120	96.00	170.00	134.40
		Petak Makanan Terbuka Berbungung	60	45.00	85.00	63.00
		Pelbagai (meja) Terbuka Berbungung	60	52.00	85.00	72.80
SPT	PASAR AWAM BERAPIT	Ayam	75	65.00	105.00	91.00
SPS	PASAR AWAM SUNGAI BAKAP	Ikan	75	60.00	105.00	84.00
		Sayur	65	60.00	90.00	84.00
		Daging Lembu	65	60.00	90.00	84.00
		Daging Khinzir	65	60.00	90.00	84.00
		Ayam Proses	75	60.00	105.00	84.00
		G/T: Makanan	120	120.00	170.00	168.00
		G/T: Brg Runcit	120	120.00	170.00	168.00
		G/T : Brg Am	120	200.00	280.00	280.00

**Kadar Baru Selepas Kajian Semula**  
**(BUKAN KADAR STANDARD)**  
**KOMPLEKS MAKANAN**  
**(KATEGORI 3 – KENAIKAN 40%)**

DAERAH	KOMPLEKS MAKANAN	JENIS JUALAN	KADAR SEWA SEBULAN (RM)			
			KADAR STANDARD	SEBELUM KENAIKAN	KADAR BARU	KADAR YANG DIKAJI SEMULA DILULUSKAN MAJLIS PENUH 25 SEPTEMBER
SPU	Kompleks Teluk Air Tawar Indah	Gerai Tertutup	120.00	70.00	170.00	98.00
SPU	Kompleks Sg Puyu	Gerai Terbuka Berbumbung	60.00	30.00	85.00	42.00
SPT	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8A	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00
SPT	Kompleks PPS Jalan Perusahaan 8B	Gerai Tertutup	120.00	60.00	170.00	84.00

- Ruang niaga Majlis ditawarkan untuk sewaan kepada penjaja-penjaja di seluruh Seberang Perai melalui **temuduga terbuka** yang diadakan **2 kali pada setiap bulan** di MPSP
- Temuduga terbuka yang diadakan akan dianggotai oleh panel Ahli Majlis MPSP dan diurussetiakan oleh Jabatan Pelesenan

#### STATISTIK PENGISIAN RUANG NIAGA

BULAN	SPU		SPT		SPS	
	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL	BERJAYA	GAGAL
JANUARI	13	4	6	10	8	7
FEBRUARI	8	0	16	18	3	1
MAC	16	17	9	16	7	4
APRIL	7	9	13	14	12	1
MEI	5	2	9	5	8	4
JUN	7	7	29	20	10	5
JULAI	4	7	6	4	13	5
OGOS	8	5	7	5	10	6
SEPTEMBER	5	0	16	15	4	1
OKTOBER	4	0	22	17	2	1
NOVEMBER	10	11	14	17	8	0
DISEMBER	4	0	11	24	7	5
<b>JUMLAH</b>	<b>91</b>	<b>62</b>	<b>158</b>	<b>165</b>	<b>92</b>	<b>40</b>

## JUMLAH RUANG NIAGA MAJIS YANG AKTIF SEHINGGA TAHUN 2018

JENIS	JUMLAH PASAR / KOMPLEKS				JUMLAH RUANG NIAGA			
	SPU	SPT	SPS	JUMLAH	SPU	SPT	SPS	JUMLAH
PASAR AWAM	9	14	7	30	1,225	1,833	819	3,877
KOMPLEKS	29	33	6	68	606	834	183	1,623
KIOSK	8	5	1	14	8	5	1	14

## KUTIPAN HASIL JABATAN PELESENAN BAGI TAHUN 2015, 2016, 2017 dan 2018

KETERANGAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)			
	2015	2016	2017	2018
Lesen Industri	1,555,182.00	1,476,902.00	1,628,273.00	1,840,285.50
Lesen Perniagaan	5,836,440.00	6,189,804.50	6,974,555.50	8,790,139.72
Lesen Hiburan	61,415.00	54,866.00	64,263.00	44,014.95
Lesen Penjaja	132,484.20	129,327.20	132,825.00	33,422.20
Lesen Penganjuran Pasar Malam	-	6,000.00	1,000.00	0
Program Mesra Pelanggan September 2018	-	-	0	8,339.40
Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	-	-	2,500.00	4,100.00
Permit Pasar Awam Sri Rambai (Guna Kupon)	-	-	0	111,762.00
Permit Iklan (Pelesenan)	645,296.00	911,890.00	1,086,883.40	1,066,821.00
Permit Perniagaan Sementara	47,780.00	43,560.00	48,210.00	77,355.00
Permit Pelesenan (Kanopi)	39,360.00	46,670.00	50,750.00	74,393.00
Permit Meja Tambahan	45,710.00	49,900.00	78,150.00	85,378.00
Sewaan Pasar Awam/Kompleks	5,970,061.72	6,006,869.60	6,087,070.40	6,275,945.00
Kompaun Jabatan Pelesenan	243,939.00	537,429.00	1,060,640.00	730,980.00
Denda Permit Memasang Banner/Sepanduk/Kain Rentang	14,000.00	14,840.00	20,740.00	13,480.00
<b>JUMLAH</b>	<b>14,591,667.92</b>	<b>15,468,058.30</b>	<b>17,235,860.30</b>	<b>19,156,415.77</b>

## KAJIAN HASIL KUTIPAN JABATAN PELESENAN 2 TAHUN

LESEN DAN PERMIT					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2017-31/12/2017	01/01/2018 - 31/12/2018	% Beza 2018
1	71100	Perindustrian	1,628,273.00	1,840,285.50	11.52%
2	71200	Perniagaan	6,974,555.50	8,790,139.72	20.65%
3	71300	Hiburan	64,263.00	44,014.95	-46%
4	71612	Lesen Penjaja (71600,71610,71614,71615 & 71616)	132,825.00	33,422.20	-297.42%
5	71710	Pasar Malam	1,000.00	-	-100%
6	71611	Program Mesra Pelanggan September 2018	-	8,339.40	100%
7	71613	Lesen Perkhidmatan Pemungutan Sampah Boleh Dikitar Semula	2,500.00	4,100.00	39.02%
8	71640	Permit Pasar Awam Sri Rambai (Guna Kupon)	-	111,762.00	100%
9	71760	Permit Iklan ( Pelesenan )	1,086,883.40	1,066,821.00	-1.88%
10	71770	Permit Perniagaan Sementara	48,210.00	77,355.00	37.68%
11	71780	Permit Pelesenan (Kanopi)	50,750.00	74,393.00	31.78%
12	71800	Permit Meja Tambahan	78,150.00	85,378.00	8.47%
<b>JUMLAH</b>			<b>10,067,409.90</b>	<b>12,136,010.77</b>	<b>17.05%</b>
SEWAAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2017-31/12/2017	01/01/2018 - 31/12/2018	% Beza 2018
1	74400	Sewaan Gerai Kompleks/Kiosk	1,689,814.00	1,785,370.00	5.35
2	74403	Sewaan Gerai Pasar Awam	4,072,954.4	4,067,391.00	-0.14
3	74407	Kompleks Penjaja Tidak Aktif (Terbengkalai)	324,302.00	423,184.00	23.37
<b>JUMLAH</b>			<b>6,087,070.40</b>	<b>6,275,945.00</b>	<b>3.01</b>
DENDA DAN HUKUMAN					
Bil	Kod	Keterangan	01/01/2017-31/12/2017	01/01/2018 - 31/12/2018	% Beza 2018
1	76410	Kompaun Jabatan Pelesenan	1,060,640.00	730,980.00	-45.10
2	76470	Denda Permit Memasang Banner/Kain Rentang Untuk Cagaran (Pelesenan)	20,740.00	13,480.00	-53.86
<b>JUMLAH</b>			<b>1,081,380.00</b>	<b>744,460.00</b>	<b>-45.26</b>



**JABATAN  
PENILAIAN  
DAN  
PENGURUSAN  
HARTA**

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

### OBJEKTIF JABATAN


- Menyediakan Senarai Nilaian yang mengandungi Nilaian Tahunan yang terkini.
- Beban cukai yang dikenakan ke atas pembayar cukai adalah saksama
- Sistem kadaran berkomputer dan maklumat harta berkadar yang cekap
- Perkhidmatan diberi dengan mesra, cekap dan berkesan

### FUNGSI JABATAN

Menjalankan kerja-kerja penilaian ke atas pegangan-pegangan yang boleh dikenakan kadar di seluruh kawasan Seberang Perai bagi tujuan menganakn cukai taksiran.

Menguruskan harta-harta komersial milik Majlis yang berada di bawah tindakan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

### ORGANISASI PENGURUSAN ATASAN JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA



Carta 1.1: Carta Organisasi Pengurusan dan Profesional Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Tahun 2018

## PENILAIAN BAGI MAKSUM KADARAN

### HASIL BANGUNAN

#### i) Taksiran Baru

Pada tahun 2018 sebanyak 7,308 bangunan baru telah ditaksir dengan Nilai Tahunan RM 51,593,760 dan cukai sebanyak RM4,907,417.52 berbanding tahun 2017 dimana hanya 5,713 bangunan baru yang telah ditaksir.



#### ii) Taksiran Semula (Pindaan dan Tambahan)

Taksiran semula harta di seluruh Seberang Perai pada tahun 2018 menunjukkan sebanyak 3,769 bangunan yang telah ditaksir semula apabila terdapat pindaan dan tambahan ke atas bangunan sediada. Nilai Tahunan yang telah diterima adalah sebanyak RM11,705,332 dan cukai taksiran sebanyak RM1,279,625.55

### HASIL TANAH

#### i) Taksiran Baru Tanah

Pada tahun 2018 sebanyak 541 lot tanah kosong telah ditaksir. Dengan jumlah tambahan baru Nilai Tahunan sebanyak RM23,703,780 dan cukai sebanyak RM734,811.60.



#### ii) Taksiran Semula Tanah (Pindaan)

Pada tahun 2018 sebanyak 10 lot tanah kosong telah ditaksir semula dengan pertambahan Nilai Tahunan sebanyak RM2,089,860 dan cukai taksiran sebanyak RM65,840.28.

## SUMBANGAN MEMBANTU KADAR

AGENSI	BIL HARTA	SUMBANGAN YANG PERLU DIBAYAR (RM)
KERAJAAN PERSEKUTUAN	3,725	<b>2,696,313.60</b>
KERAJAAN NEGERI	494	<b>193,268.37</b>
KEMENTERIAN PERTAHANAN	898	<b>970,416.31</b>
<b>BADAN BERKANUN</b>		
FAMA	9	<b>37,107.45</b>
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	1	<b>7,346.55</b>
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG	35	<b>27,478.80</b>
MARDI	1	<b>494.40</b>
JABATAN BEKALAN AIR P. PINANG	1	<b>123,453.00</b>
PERDA	19	<b>2,849.85</b>
PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN	1	<b>41,989.50</b>
RISDA	3	<b>4,150.65</b>
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI	1	<b>52,902.90</b>
SPPP	6	<b>4,074,626.85</b>
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	46	<b>31,914.60</b>
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	9	<b>10,042.35</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5522</b>	<b>8,432,755.60</b>



**Jadual 1.1: Sumbangan Membantu Kadar (SMK) bagi harta yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun.**

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga bertanggungjawab menentukan sumbangan yang perlu dibayar bagi semua harta-harta Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun bagi maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK).

## RAYUAN CUKAI TAKSIRAN 2018

Berdasarkan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 142 telah memperuntukkan bahawa pemilik bangunan boleh membuat bantahan ke atas Senarai Nilaian Baru yang dikenakan. Berikut ialah bilangan bantahan yang diterima daripada pembayar cukai terhadap cadangan Nilai Tahunan pada tahun 2018 seperti jadual 1.2

Daerah	Bilangan Mesyuarat Rayuan Cukai	Bilangan Bantahan	
		Bangunan	Tanah
SP UTARA	7	197	3
SP TENGAH	9	635	6
SP SELATAN	7	780	10
Jumlah	23	1612	19

**Jadual 1.2: Mesyuarat Rayuan Cukai 2018**



**Gambar 1.1 menunjukkan Jenis Skim Pembangunan yang dibuat nilaiannya untuk tujuan kadaran**




**Gambar 1.2 Mesyuarat Rayuan Cukai Selatan Tahun 2018**

## **TUKAR NAMA PEMILIK HARTA**

Tukar Nama Pemilik Harta Berkadar telah diperuntukan dibawah Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Penukaran nama kepada pemilik harta yang baru perlu dibuat untuk membolehkan bil cukai taksiran disampaikan kepada pihak yang sebenarnya memiliki harta tersebut. Selain itu, ianya untuk bertujuan penghantaran notis, carian oleh agensi-agensi berkepentingan dan sebagainya.

## PERMOHONAN TUKAR NAMAPEMILIK HARTA SEBERANG PERAI



Carta 1.2 : Menunjukkan bilangan permohonan tukar nama yang lulus mengikut kategori harta pada tahun 2018

### Carta 1.1 : Tukar Nama Pemilik yang memohon dan diluluskan mengikut kategori harta pada tahun 2018.

Tukar Nama Pemilik diproses untuk permohonan yang melibatkan bangunan dan tanah bagi seluruh Seberang Perai. Kelulusan sesuatu permohonan bergantung kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan kepada pemohon. Kegagalan memenuhi syarat menyebabkan permohonan tidak dapat diluluskan dan pemohon perlu membuat permohonan semula.

### HARTA MAJLIS

Skop Kerja Bahagian Pengurusan Harta Majlis meliputi pengurusan harta-harta komersil milik MPSP dan Pengurusan Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar Seberang Perai Tengah (SPT).



Gambar 1.3: Bangunan milik Majlis disewakan di Jalan Mohd Saad, Butterworth, SPU



**Gambar 1.4: Bangunan dan Tanah milik MPSP yang disewakan di Seberang Perai**




**Gambar 1.5: Sebahagian Pondok Bas-Pondok Bas yang boleh disewakan untuk tujuan pengiklanan di sekitar Seberang Perai**

## HASIL HARTA MAJLIS

Sewaan harta-harta Majlis melibatkan sewaan bangunan dan tanah serta pondok bas-pondok bas di Seberang Perai serta luar kawasan Seberang Perai.

**Graf 1.2: Peratusan Harta-harta Majlis yang Disewakan mengikut Daerah.**



## PENYEWAAN UNTUK TUJUAN PUSAT KITAR SEMULA ATAU PUSAT KOMPOS

MPSP juga memberi kemudahan sewaan tanah atau bangunan yang tidak digunakan untuk tujuan pusat kitar semula dan pusat kompos. Semua permohonan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Senarai tapak yang dibuka untuk sewaan adalah seperti jadual 1.

**Jadual 1.3 : Senarai tapak penjaja milik MPSP yang telah disewakan pada 2018**

**Jadual 1**

SENARAI TELAH DISEWAKAN							
Bil	No. Lot	Mukim	Daerah	Nama Taman/Lokasi	Keluasan Tanah (kp)	Jenis Tapak	Cukai Tanah (RM)
1	6918	14	SPS	Taman Idaman	16,242	Tapak Penjaja	1,630



**Gambar 1.6: Tapak penjaja yang disewakan untuk tujuan pusat kitar semula atau pusat kompos.**

## PENGURUSAN RUMAH PANGSA PPR, AMPANGAN JAJAR, SPT

### Latar Belakang


Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan merupakan projek perumahan yang dilaksanakan bagi tujuan membantu golongan yang berpendapatan rendah pada kadar antara RM750.00 hingga RM1,500.00 sebulan.

Pangsa PPR Ampangan dibina di atas tanah MPSP iaitu di atas sebahagian Lot 972, Bandar Perai dan Lot 1346, Mukim 2, Seberang Perai Tengah. Ia mula beroperasi dan dibuka untuk sewaan pada 1 Jun 2006. Ia mempunyai 10 tingkat yang terdiri daripada 250 unit kediaman, 2 buah kiosk perniagaan, sebuah bilik pengurusan, sebuah dewan orang ramai dan sebuah surau.




### Pengurusan dan Penyelenggaraan

MPSP telah melantik Tetuan Mutiara Properties sebagai ejen pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara bangunan PPR ini. Skop bagi kerja-kerja tersebut adalah menguruskan pentadbiran bangunan, menguruskan kutipan sewa, penyelenggaraan lif, pemberian/ handyman, penyelenggaraan elektrik/ chargeman, kawalan serangga, kawalan keselamatan, pencegah kebakaran dan pemberian kerosakan kecil. Manakala bagi kerja-kerja pembersihan dan lanskap adalah dilaksanakan oleh Persatuan Penduduk PPR Ampangan. Perincian kontrak bagi kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan bangunan PPR ini adalah seperti rajah di bawah.



Graf 1.3: Peratusan penyewa Rumah Pangsa PPR tahun 2018



Rajah 1.1: Perincian Kontrak Pengurusan dan Penyelenggaraan Pangsa PPR Ampangan, SPT

Kerja pembersihan merupakan sebahagian kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan di Pangsa PPR, Ampangan. Jadual 1.4 di bawah menunjukkan jadual kerja-kerja pembersihan untuk keseluruhan Pangsa PPR Ampangan, SPT.

KEKERAPAN	HARIAN					MINGGUAN					BULANAN	
	KAWASAN	TINGKAT BAWAH	TEMPAT LETAK KERETA	TANGGA & KORIDOR (SETIAP TINGKAT)	AIR WELL	LIF	PUSAT PUNGUTA N SAMPAH	BILIK SUIS UTAMA	BILIK PAM	BILIK GEN SET	SILING TINGKAT BAWAH & TINGKAT 9	DEWAN
AKTIVITI												
SAPU	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	LANTAI	-	LANTAI
CUCI	LONGKANG	LONGKANG	-	LANTAI	SILING	TONG (AIR + BAHAN KIMIA)	-	-	-	-	SILING	SILING
LAP	PETI SURAT	-	RAILINGS	-	-	-	PERALATAN (DENGAN PENGAWASA N PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASA N PENYELIA)	PERALATAN (DENGAN PENGAWASA N PENYELIA)	-	-	-
MASA	8 - 9 PG (4 - 5 PTG flexi)	9 - 10.30 PG	10.30 PG - 100 PTG	2 - 3.30 PTG	3.30 - 4 PTG	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	MINGGU PERTAMA

Jadual 1.4: Jadual Kerja-kerja Pembersihan Pangsa PPR Ampangan, SPT yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk.

AKTIVITI	KEKERAPAN	HARIAN	MINGGUAN (2 MINGGU SEKALI)	BULANAN
		SAPU	MEMANGKAS POKOK (TRIMMING)	MEMBAJA
POKOK-POKOK DAN KAWASAN PADANG		SIRAM	POTONG RUMPUT	MENYEMBUR RACUN SERANGGA
MASA	8-10 PG		RABU	MINGGU PERTAMA

**Jadual 1.5: Jadual penyelenggaraan Lanskap di Pangsa PPR Ampangan, SPT.**

Penyelenggaraan lanskap juga dijalankan dengan berpandukan jadual yang telah disediakan oleh pihak pengurusan. Antara kerja penyelenggaraan lanskap dijalankan ialah seperti berikut:-

- a) Menyiram pokok dan rumput padang.
- b) Membuang tumbuhan mimosa, cendawan dan kulat
- c) Menyembur racun serangga dan racun kulat.



**Gambar 1.7 Kerja Pembersihan dan Kawalan Keselamatan**



**Gambar 1.8 Kerja Pembaikan kecil dan penyelenggaraan lif**

## PENUTUP

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Majlis. Jabatan ini sentiasa komited untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan ke arah mencapai visi dan misi MPSP berlandaskan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, selamat dan sihat.



# JABATAN PERANCANG BANDAR

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## JABATAN PERANCANG BANDAR

### PENGENALAN

Jabatan ini memainkan peranan penting di dalam mengawal pembangunan melalui penguatkuasaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 termasuk Pindaan 1995 (Akta A993), 2001 (Akta A1129) dan 2007 (Akta A1313) bagi memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak pembangunan yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan di sesuatu kawasan tersebut.



### VISI JABATAN

Mewujudkan pembangunan yang seimbang dan berdaya maju melalui perancangan yang komprehensif

### MISI JABATAN

Memastikan perancangan yang seimbang melalui pembangunan mampan, mesra alam, beridentiti dan menarik selaras dengan kehendak Akta.

### FUNGSI JABATAN

Fungsi Jabatan Perancang Bandar adalah seperti berikut :


- i. Merancang dan mengawal pembangunan di Seluruh Seberang Perai selaras dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Daerah.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Mengurus penyediaan Rancangan Pemajuan.
- iv. Memberi nasihat berkaitan bidang perancangan kepada orang awam dan agensi-agensi yang berkaitan.

## ORGANISASI JABATAN

Untuk merealisasikan fungsi-fungsi dengan berkesan, organisasi Jabatan ini terbahagi kepada 4 bahagian dan 1 unit iaitu seperti berikut :

- Bahagian Kawalan Pembangunan
- Bahagian Penguatkuasaan & Pelesenan
- Bahagian Rancangan Pemajuan
- Unit Pentadbiran

Rujuk rajah 1



Rajah 1 : Carta Organisasi Jabatan Perancang Bandar

Selaras dengan itu tiap-tiap bahagian tersebut mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

## BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN

Bahagian Kawalan Pembangunan di jabatan dibahagikan mengikut daerah di Seberang Perai iaitu Bahagian Kawalan Pembangunan Daerah SPU, SPT dan SPS. Fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah seperti berikut:



- Memproses permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan, perniagaan, industri, institusi dan lain-lain jenis pembangunan
- Memproses permohonan pelan pecahan sempadan, cantuman, penyerahan dan pemberian milik semula tanah
- Memproses permohonan penamaan taman, jalan dan bangunan
- Memberi ulasan teknikal terhadap pelan bangunan, kerja tanah, ubah syarat tanah, sijil layak menduduki, permohonan lesen tumpangan sementara (TOL), penggunaan tanah kerajaan, pemberian milik tanah, pengambilan balik tanah, Perlinkungan Semula dan lain-lain yang berkaitan

**Aktiviti yang telah dijalankan :-**

Sejak tahun 2010 hingga bulan Disember 2018 terdapat sebanyak 3,309 permohonan yang telah diterima oleh pihak jabatan. Dari jumlah tersebut 2,356 (71.2%) merupakan permohonan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan dan 953 (28.8%) adalah permohonan pelan pecahan sempadan/ cantuman tanah, penyerahan dan pemberian milik semula tanah seperti Jadual 2.

**JUMLAH PERMOHONAN YANG DITERIMA TAHUN 2010-2018**

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/ CANTUMAN TANAH/ PENYERAHAN DAN PEMBERIAN MILIK SEMULA	JUMLAH
2010	206	105	308
2011	247	150	397
2012	295	125	420
2013	268	153	421
2014	286	105	391
2015	256	109	365
2016	324	91	415
2017	227	62	289
2018	247	56	303
<b>Jumlah</b>	<b>2,356</b>	<b>953</b>	<b>3,309</b>

**JADUAL : 2**

Sementara permohonan yang telah diberi kelulusan adalah sebanyak 1617 yang terdiri daripada 979 (60.5 %) pelan kebenaran merancang dan 638 (39.5 %) pelan pecahan sempadan/cantuman tanah seperti Jadual 3.

## JUMLAH PERMOHONAN YANG DILULUSKAN TAHUN 2010-2018

TAHUN	PELAN SUSUNATUR	PELAN PECAHAN/CANTUMAN TANAH	JUMLAH
2010	204	56	260
2011	92	110	202
2012	116	79	195
2013	72	99	171
2014	87	74	161
2015	124	82	206
2016	123	55	178
2017	61	46	107
2018	100	37	137
Jumlah	979	638	1,617

### JADUAL : 3

Berdasarkan trend permohonan seperti di **Jadual 2** dan **Jadual 3** didapati bilangan permohonan yang diterima dan yang diluluskan bagi permohonan kebenaran merancang telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya.

## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

Selain dari mengawal pembangunan bagi memastikan ianya terancang, Jabatan Perancang Bandar juga memainkan peranan untuk menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) melalui Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan. Diantara fungsi dan tanggungjawab bahagian ini adalah :

- Memberi ulasan terhadap permohonan lesen-lesen perniagaan am dan industri di seluruh Seberang Perai.
- Memberikan ulasan terhadap lesen pengilang kepada pihak MIDA / MITI.
- Menjalankan lawatan tapak untuk menyiasat dan mengenalpasti aktiviti-aktiviti pembangunan yang dijalankan tanpa kebenaran atau menyalahi syarat – syarat kelulusan yang diberikan di seluruh Seberang Perai.
- Menjalankan siasatan dan mengambil tindakan susulan kepada aduan-aduan yang diterima di seluruh Seberang Perai.
- Melaksanakan penguatkuasaan terhadap perubahan matan terhadap bangunan dan tanah tanpa kebenaran atau premis-premis yang menyalah guna kegunaan bangunan (Change of use) dan menyediakan laporan dan kertas pendakwaan terhadap tertuduh kepada jabatan undang-undang.
- Memberikan ulasan terhadap permohonan pembinaan papan tanda kepada jabatan kejuruteraan.

- Menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan maklumat RIBI kepada Jawatankuasa Mesyuarat RIBI negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras dan mewakili jabatan dalam Jendela Pelanggan yang diadakan setiap bulan.

### **BAHAGIAN 4.3 R & D**

Bahagian R & D jabatan bertanggungjawab untuk menggubal dan menyediakan garis panduan perancangan dan dasar-dasar perancangan khususnya bagi tukar guna kediaman kepada perniagaan. Antara fungsi dan tanggungjawab Bahagian R & D adalah:

- Menyediakan & mengemaskini garispanduan perancangan & dasar-dasar perancangan
- Menjalankan kajian berkaitan keperluan perancangan dari semasa ke semasa seperti kediaman kepada perniagaan bagi sesuatu kawasan.
- Menyediakan pelan dan maklumat yang berkaitan bagi pembangunan atau menaik taraf harta majlis seperti cadangan pasar awam dan sebagainya.
- Menyediakan draf Kertas Mesyuarat MMK dan Exco.

Diantara garis panduan yang telah diluluskan pada tahun 2018 adalah :

- Garis Panduan Tatacara Penggunaan Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam Di MPSP
- Garis Panduan Pemutihan Kilang – Kilang Tanpa Kebenaran Di Kawasan MPSP
- Garis Panduan Cadangan Menukar Kegunaan Bangunan Kediaman Ke Tadika / Taska / Pusat Jagaan

### **BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN**

Bahagian Rancangan Pemajuan distrukturkan di bawah Jabatan Perancang Bandar bagi melaksanakan tugas berdasarkan kepada bahagian III Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 172. Perincian bidang tugas bahagian ini adalah seperti berikut:

1. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan Kajian Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030
2. Menyelaras, memantau dan menyemak penyediaan kajian –kajian perancangan agar selari dengan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan seperti kajian oleh Unit Butterworth Baru, Bukit Mertajam, Garispanduan Perancangan dan sebagainya.

- 
3. Merancang, membangunkan dan memantau Sistem GIS iaitu GIS Map Browser, e-OSC, EIS SPT dan sebagainya termasuk penyelenggaraan dan pengemaskinian data serta maklumat ke dalam sistem GIS dan yang berkaitan dengannya.
  4. Menyedia dan menyelaras dalam membekalkan maklumat serta maklumbalas kajian-kajian perancangan bandar di peringkat negeri dan persekutuan iaitu Pelaporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri, Pelaporan Pemantauan Dasar Perbandaran Negara, Kajian Profil Bandar dan Profil Kampung dan lain-lain.
  5. Memberi khidmat nasihat dan membekalkan maklumat perancangan dan pembangunan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar, orang awam, para perunding dan sebagainya.
  6. Memberi pelaporan berkenaan Sistem Pengukuran dan Penilaian Kemampuan Bandar-bandar di Malaysia - MURNInet secara online melalui laman web PLANMalaysia.
  7. Menyelaras semua dasar-dasar kerajaan yang melibatkan rancangan-rancangan pemajuan, garispanduan perancangan, piawaian perancangan, undang-undang dan sebagainya yang melibatkan perancangan bandar yang telah dibentangkan kepada ahli majlis dimasukkan ke dalam sistem e Dasar MPSP.
  8. Membangunkan Sistem Maklumat Geografi yang boleh dicapai secara 'online' melalui laman web <http://spgis.mpsp.gov.my>. Melalui sistem GIS ini, terdapat beberapa pecahan sistem GIS yang telah dibangunkan iaitu GIS Mapbrowser, Draf RTD Seberang Perai Utara, Draf RTD Seberang Perai Tengah dan Draf RTD Seberang Perai Selatan serta boleh membuat fungsi carian lot, pengezonan dan sebagainya.
  9. Bahagian ini juga telah merancang satu pengkalan data Spatial (*basemap*) yang boleh dihubungkan dengan sistem pengkalan data daripada jabatan-jabatan lain. Projek ini masih diperingkat pembangunan data.
  10. Memaparkan maklumat gunatanah secara grafik menggunakan konsep 'layer' dan dapat melihat perubahan status lot mengikut senario semasa.
  11. Membangunkan satu perkongsian data dikalangan kakitangan jabatan. Ini menjimatkan kos pemasangan dan penyokong perkakasan sesebuah perisian.
  12. Menyediakan ulasan teknikal terhadap permohonan pelingkungan semula yang diterima daripada PLAN Malaysia Negeri Pulau Pinang dan juga memberi ulasan berkenaan surat-surat daripada Pejabat Daerah dan Tanah bagi ketiga-tiga daerah.
  13. Memastikan pelanggan mendapat layanan yang terbaik semasa berurusan bagi mendapatkan maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan perancangan bandar dan zoning pembangunan. Perkhidmatan diberi secara serta merta dengan surat pengesahan. Pada separjang tahun 2018 sebanyak 2259 pelanggan telah datang ke bahagian ini untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.
  14. Mencetak pelan menggunakan sistem GIS MPSP dan mengeluarkan dokumen pengesahan zoning kepada pelanggan berdasarkan kepada RSNPP yang diwartakan. Pada tahun 2018 sebanyak 1132 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU = 336, SPT = 510 dan SPS = 286.

15. Jualan pelan kepada pihak awam, swasta, pelajar dan lain-lain lagi merupakan antara perkhidmatan yang disediakan dan pada tahun 2018. Catatan jualan pelan yang dijual berjumlah RM 5390 dengan bilangan jualan sebanyak 357 keping.
16. Memproses data dan maklumat pelan kebenaran merancang dan mendigit semula ke dalam sistem GIS kerana pelan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pihak perunding tidak mengikut 'base plan' berkoordinat cassini Penang daripada JUPEM. Sebanyak 132 buah skim telah didigit dan 194 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan telah didigit ke dalam pangkalan data GIS.

### **LAPORAN STATUS PROJEK KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN SEBERANG PERAI 2030 MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

KAJIAN	LUAS	TEMPOH KAJIAN		STATUS	PERUNTUKAN			PERUNDING	CATATAN
		MULA	SIAP		MPSP	EPU	JUMLAH		
RT SP	74,270	4 Sept 2017	30 Ogos 2018	Laporan Akhir	662,566.66		662,566.66	Perunding Arkitek Jururancang (Malaysia) Sdn.Bhd	Mesyuarat Pembentangan Laporan Akhir - 18 Mac – 21 Mac 2019
JUMLAH	74,270				662,566.66		662,566.66		

### **JENIS PERKHIDMATAN DI BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN**

JENIS PERKHIDMATAN	TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2018
Sistem Mesyuarat e-OSC	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memasukkan maklumat pelan dan kertas kerja ke sistem Mesyuarat e-OSC.</li> <li>- Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan kelulusan pelan kebenaran merancang sentiasa dikemaskini.</li> </ul>	221 Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan telah dikemaskini. Maklumat kelulusan perancangan semasa yang dikemaskini boleh dicapai melalui laman web <a href="http://spgis.mpsp.gov.my/osc">http://spgis.mpsp.gov.my/osc</a>
Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) RTD	Memastikan pembangunan sistem mengikut standard yang ditetapkan	EIS RTD SPT telah siap dan sedia untuk kegunaan melalui laman web <a href="http://spgis.mpsp.gov.my/eis">http://spgis.mpsp.gov.my/eis</a>

JENIS PERKHIDMATAN	TUGAS	HASIL KERJA TAHUN 2018
Sistem GIS Map Browser	Memastikan sistem boleh dicapai secara 'online' sepanjang masa dan maklumat terkini berkaitan perancangan sentiasa dikemaskini.	Maklumat perancangan semasa dikemaskini dan sistem boleh dicapai melalui laman web <a href="http://spgis.mpsp.gov.my">http://spgis.mpsp.gov.my</a>  Maklumat yang telah dimuatnaik ke dalam sistem ialah: - Peta Cadangan RTD SPU - Peta Cadangan RTD SPT - Peta Cadangan RTD SPS - Kawasan Pembersihan MPSP mengikut Parlimen - Maklumat Infrastruktur Kemudahan Awam
Surat Pengesahan Zoning	Membuat carian lot dan zoning melalui sistem GIS dan mengeluarkan surat pengesahan pada masa yang sama	Sebanyak 1132 surat pengesahan zoning telah dikeluarkan dengan pecahan mengikut daerah iaitu SPU : 336, SPT : 510 dan SPS : 286 dan jumlah pelanggan seramai 2259 orang.
Cetakan pelan dan data perancangan untuk jualan dan kegunaan jabatan dalam MPSP	Mencetak pelan mengikut keperluan pemohon seperti yang terkandung di dalam borang cetakan yang disediakan	Sebanyak lebih kurang 357 permohonan pelan daripada pihak swasta dan jabatan dalam MPSP telah dicetak dengan kutipan jualan sebanyak RM 5390
Kemasukan data PKM ke aplikasi GIS bagi proses pengemaskinian	Semua pelan kebenaran merancang dan penamaan skim nama taman, jalan dan sempadan taman yang telah diluluskan didijit menggunakan aplikasi GIS	132 buah skim pembangunan telah didijit dan 194 pelan maklumat jalan, nama jalan, nama taman, sempadan taman serta pengelasan jenis pembangunan ke dalam pangkalan data GIS.

## BAHAGIAN PENTADBIRAN

Fungsi Unit Pentadbiran di Jabatan Perancang Bandar ialah :

- Menyelenggara fail-fail pentadbiran dan fail am jabatan
- Menerima, merekod dan mengedarkan surat-menjurat
- Menyelaras hal ehwal mesyuarat
- Menyelaras hal-hal berkaitan pentadbiran dan cuti kakitangan
- Pengurusan aset dan stok jabatan



**UNIT  
BUTTERWORTH  
BAHARU**

# LAPORAN TAHUNAN 2018

## UNIT BUTTERWORTH BAHRU

### PENGENALAN

Unit Butterworth Baharu ditubuhkan pada 1 Jun 2016 selaras dengan pelaksanaan Pelan Butterworth Baharu dengan termeterainya Memorandum of Understanding di antara Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Think City Sdn Bhd (subsidiari Khazanah Nasional Berhad). Pelan Butterworth Baharu dilaksanakan dengan kolaborasi dua hala di antara MPSP dan Think City Sdn Bhd untuk mewujudkan sebuah bandar yang dinamik di Konurbasi Wilayah Utara. Pelan Butterworth Baharu mempunyai 4 intervention area seperti berikut :

- a. Pekan Lama Regeneration Plan
- b. Bagan Ajam Waterfront Regeneration Plan
- c. The Harbourfront Regeneration Plan
- d. Perai River Rehabilitation Plan



#### 1 Butterworth Waterfront

Butterworth Waterfront terletak di barat daya Butterworth dengan keluasan kawasan 343.6 ekar

#### 2 Pekan Lama

'Butterworth Old Town' adalah Pekan Utama Seberang Perai. Keluasan keseluruhan kawasan kajian adalah 55.9 ekar

#### 3 Penang Sentral

Penang Sentral merupakan kawasan tumpuan bagi hab pengangkutan Seberang Perai. Berkeluasan 278.25 ekar

#### 4 Sungai perai

Sungai Perai mengalir dari arah timur Butterworth menghala ke arah selatan iaitu Selat Melaka. Sepanjang 8.17 km

### FUNGSI UNIT BUTTERWORTH BAHRU

- i. Bertanggungjawab untuk melaksana semua program / aktiviti berkonsepkan Art, Heritage, Culture, Greener & Healthier dan projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu yang beridentitikan urban regeneration project bagi memangkin pembangunan semula Bandar Butterworth yang meliputi 276 hektar

- ii. Pelbagai pengisian program dan aktiviti berkonsepkan *community engagement* dan *placemaking* dilaksanakan di bawah Pelan Butterworth Baharu. Program berbentuk *art, heritage and culture* menjadi indikator utama dalam *emerging back the city* sejahtera untuk mengekalkan kesinambungan budaya, kerancakan ekonomi dan pembangunan yang lestari
- iii. Melaksana dan menyelaras projek fizikal di bawah Pelan Butterworth Baharu.

#### **SENARAI PROJEK FIZIKAL DI BAWAH UNIT BUTTERWORTH BAHARU BAGI TAHUN 2018**

BIL	PROJEK	LOKASI	MULA	SIAP
1.	Lukisan Mural di Kolam Renang Lebuh Kampung Benggali, Butterworth	Kolam Renang Lebuh Kampung Benggali, Butterworth	5 Mac 2018	10 Mac 2018
2.	Giant Mural	PPR Tun Dr Awang, Butterworth	10 Oktober 2017	30 Mac 2018
3.	Butterworth Open Art Competition 2018 (Mural dan Installation)	Butterworth Art Walk	25 Jun 2018	30 Jun 2018

#### **PENCAPAIAN UNIT BUTTERWORTH BAHARU BAGI TAHUN 2018**

*Malaysia Landscape Architecture Awards: Special Honour Awards 2018 Under Government Category: Green Initiative Awards : Butterworth Fringe Festival : Creative Placemaking Tool In Public Spaces*



## SENARAI PROGRAM DI BAWAH UNIT BUTTERWORTH BAHRU BAGI TAHUN 2018

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Butterworth Fun Ride 2.0	11 Februari 2018	Jeti Nelayan, Bagan Ajam, Butterworth
2.	MyBestBuy@Jalan Loader	27 Februari 2018 27 Mac 2018 24 April 2018 28 Ogos 2018 25 September 2018 30 Oktober 2018 27 November 2018	Jalan Loader, Butterworth
3.	Butterworth Purple Heritage Walk	10 Mac 2018	Hadapan Hotel Lodge 18, Lorong Bagan Luar 1, Butterworth
4.	I Love Penang Run - Seberang Perai 2018	11 Mac 2018	Padang Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth
5.	Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar	31 Mac 2018	Taman Kimsar, Perai
6.	Pasar Percuma 2018	07 April 2018	Dewan Panorama, Jalan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Butterworth
7.	Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 dan Program Syawal Seni @ Butterworth Art Walk	30 Jun 2018	Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar, Butterworth
8.	Province Wellesley Run (PWR) 2018	22 Julai 2018	Lorong Bagan Luar 2, Butterworth
9.	Sungai Perai Nature Walk	29 Julai 2018	Medan Selera Sri Tambang Mee Udang
10.	Temasya Merdeka	25 Ogos 2018	Lorong Bagan Luar 2, Butterworth
11.	World Clean Up Day 2018	15 September 2018	Taman Sembilang, Seberang Jaya
12.	Festival Sungai Perai @ Taman Ampang Jajar	22 September 2018	Taman Bandar Ampang Jajar
13.	Temasya Bagan @ Butterworth Art Walk 1. Temasya Gemilang Butterworth 2. Temasya Deepavali 3. Temasya Nostalgia – Retro Ria	13 Oktober 2018 17 November 2018 29 Disember 2018	Lorong Bagan Luar 2, Butterworth
14.	Butterworth Fringe Festival 2018	1 & 2 Disember 2018	Jalan Jeti Lama, Butterworth
15.	Majlis Penyampaian Hadiah Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018 (ASPP Awards 2018)	2 Disember 2018	Jalan Jeti Lama, Butterworth

## PROGRAM DI BAWAH UNIT BUTTERWORTH BAHRU TAHUN 2018

### 1. Butterworth Fun Ride 2.0

Program Butterworth Fun Ride 2.0 yang diadakan pada 11 Februari 2018 bermula di Jeti Nelayan, Bagan Ajam, Butterworth telah disertai oleh 300 orang peserta yang terdiri daripada komuniti Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Peserta akan melalui jarak kayuhan sepanjang 30km yang meliputi 50% laluan jalanraya dan 50% laluan sawah padi termasuk laluan persisiran pantai yang bermula dari lokasi flag off di Pantai Bersih ke laluan seterusnya ke Jalan Paku Lima, Sungai Puyu, Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Pekan Darat, dan Taman Robina.



### 2. MyBestBuy@Jalan Loader

Program ini menawarkan produk pertanian terpilih dengan harga yang berpatutan iaitu potongan harga diantara 5% sehingga 20% berbanding harga di pasar-pasar awam setempat dengan kerjasama bekalan produk melalui FAMA dan diedarkan terus kepada pengguna. Program ini akan dijalankan pada setiap hari Selasa terakhir setiap bulan dan lokasi pilihan adalah di Jalan Loader, Butterworth bermula bulan November 2016 sehingga November 2018.



### **3. Butterworth Purple Heritage Walk**

Butterworth Purple Heritage Walk telah diadakan pada 10 Mac 2018 bermula di hadapan Hotel Lodge 18, Lorong Bagan Luar 1, Butterworth. Program yang diadakan secara percuma ini melibatkan seramai 140 orang peserta yang terdiri dari golongan wanita. Para peserta telah berjalan santai sejauh 1.5km dan melibatkan 10 hentian di kedai-kedai yang diusahakan oleh pengusaha wanita antaranya ialah Poly Bakery, Syarikat Harfa, Sin Bee Chew Restaurant, Cobbler, Restoran Ananda Nahwan, Kenny Haus Coffee, Aneka Reka (Ice Cream Parlor) dan Syarikat Perniagaan Yip Fong. Selain itu, peserta juga perlu melengkapkan Butterworth Purple Heritage Trail Quiz di sepanjang sesi penceritaan berlangsung.



### **4. I Love Penang Run - Seberang Perai 2018**

Program I Love Penang Run – Seberang Perai yang diadakan untuk kali kedua ini telah dilaksanakan pada 11 Mac 2018 bermula 7.30 pagi di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Jalan Bagan Luar, Butterworth. Peserta seramai lebih 15,000 orang telah berjaya melalui jarak larian santai sepanjang 6km bermula di Dewan Dato Haji Ahmad Badawi dan melalui Lorong Bagan Luar 1, Jalan Bagan Luar, Jalan New Ferry, Jalan Sungai Nyior, Jalan Siram, Jalan Telaga Air, Jalan Heng Choon Thian dan Jalan Datuk Haji Ahmad Said.



## 5. Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar

Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar telah diadakan di Taman Kimsar, Perai pada 31 Mac 2018 sempena Hari Tindakan Antarabangsa Untuk Sungai. Aktiviti yang telah dijalankan semasa Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar merupakan satu langkah dalam merealisasikan impian untuk menjadikan sungai ini lebih bersih dan sesuai untuk dijadikan sebagai salah satu tempat perkelahan keluarga. Pelbagai acara menarik telah dijalankan antaranya demonstrasi dan bengkel "Water Quality Testing Kit" oleh Water Watch Penang, segmen seni kitar semula kanak-kanak dan dewasa, program pengenalan dan pembersihan Sungai Perai yang membawa pengunjung menyelusuri sepanjang Sungai Perai dari Jeti Taman Kimsar ke Taman Burung dan pameran Eco Hidupan Liar di Sungai Perai.



## 6. Pasar Percuma 2018

Pasar Percuma 2018 telah dilaksanakan pada 7 April bertempat di Dewan Panorama, Jalan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Butterworth bermula 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Program ini melibatkan peserta-peserta yang terdiri daripada agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang persendirian. Program ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan masyarakat setempat di Seberang Perai dalam melakukan kebajikan. Pengunjung yang datang dibenarkan untuk mengambil apa saja barang atau perkhidmatan yang ditawarkan secara percuma dan pengunjung perlu mengambil barang atau perkhidmatan yang ditawarkan secara beradab iaitu mengucap salam, senyum, minta izin untuk mengambil barang dan memberi ucapan terima kasih.



## 7. Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 dan Program Syawal Seni @ Butterworth Art Walk

Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 dan Program Syawal Seni @ Butterworth Art Walk telah diadakan pada 30 Jun 2018 bersamaan 15 Ramadhan 1439H bermula 9.00 pagi di Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar, Butterworth yang melibatkan Lorong Bagan Luar 1 dan Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Majlis yang julung kali diadakan di Seberang Perai ini adalah untuk meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama rakyat Pulau Pinang amnya dan Seberang Perai khasnya. Pelbagai acara menarik seperti kebudayaan, kesenian, acara memasak bersama serta pelbagai jenis minuman dan makanan telah disediakan kepada pengunjung secara percuma.



## 8. Province Wellesley Run (PWR) 2018

Program Province Wellesley Run telah diadakan pada 22 Julai 2018 (Ahad) bermula 7.30 pagi di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Seramai 2,500 peserta yang telah berdaftar untuk menyertai program ini. Objektif program ini adalah untuk mempromosikan Butterworth sebagai salah satu lokasi bagi penganjuran acara sukan di Semenanjung Pulau Pinang. Selain itu, penganjuran program ini juga mendekatkan lagi jarak antara komuniti dan memberi kesedaran kepada masyarakat kepentingan mengamalkan gaya hidup yang sihat.



## **9. Sungai Perai Nature Walk**

Sungai Perai Nature Walk telah diadakan pada 29 Julai 2018 bermula 6.00 pagi di Medan Selera Sri Tambang Mee Udang, Sungai Dua. Pengajuran Pogram Sungai Perai Nature Walk adalah untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan memberi pendidikan serta kesedaran terhadap masyarakat kepentingan menjaga kebersihan sungai dan memelihara alam semulajadi. Sungai Perai Nature Walk adalah program berjalan santai sejauh 6.6km menyulusuri tebing Sungai Perai sambil menikmati keindahan alam semulajadi. Seramai 400 orang peserta dibawa melalui kawasan penternakan lembu, sawah padi dan akan berhenti di Jeti Nelayan Kampung Terus sebelum berpatah balik ke Medan Selera Sri Tambang Mee Udang.



## **10. Temasya Merdeka**

Program Temasya Merdeka yang telah dilaksanakan pada 25 Ogos 2018 di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth bermula jam 6.00 petang sehingga 11.00 malam. Program ini diadakan adalah untuk meraikan sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 61 bertemakan 'Sayangi Malaysiaku'.



## 11. World Clean Up Day 2018

Majlis Jamuan Rakyat Aidilfitri Pulau Pinang 2018 dan Program Syawal Seni @ Butterworth Art Walk telah diadakan pada 30 Jun 2018 bersamaan 15 Ramadhan 1439H bermula 9.00 pagi di Butterworth Art Walk, Lorong Bagan Luar, Butterworth yang melibatkan Lorong Bagan Luar 1 dan Lorong Bagan Luar 2, Butterworth. Majlis yang julung kali diadakan di Seberang Perai ini adalah untuk meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama rakyat Pulau Pinang amnya dan Seberang Perai khasnya. Pelbagai acara menarik seperti kebudayaan, kesenian, acara memasak bersama serta pelbagai jenis minuman dan makanan telah disediakan kepada pengunjung secara percuma.



## 12. Festival Sungai Perai @ Taman Ampang Jajar

Festival Sungai Perai @ Taman Ampang Jajar akan diadakan pada 22 September 2018 di Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh. Fiesta Sungai Perai dianjurkan adalah bersempena sambutan Hari Sungai Sedunia (World Rivers Day) yang disambut pada hari Ahad terakhir bulan September setiap tahun. Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan kepada pengunjung yang hadir antaranya ialah aktiviti berkayak, peraduan fesyen kitar semula dan eco games.



### 13. Temasya Bagan

Program ini diinspirasikan melalui Car Free Evening bertujuan mengurangkan penggunaan kereta di jalan raya selaras dengan sasaran MPSP untuk menjadi sebuah bandar raya rendah karbon dan pintar menjelang 2022. Program ini juga dilihat sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar. Program akan diadakan pada setiap Sabtu ketiga setiap bulan bermula jam 5.00 petang sehingga 11 malam di Lorong Bagan Luar 2, Butterworth.




### 14. Butterworth Fringe Festival 2018

Butterworth Fringe Festival 2018 telah diadakan pada 1 dan 2 Disember 2018 di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan nilai-nilai budaya tempatan dan antarabangsa di bawah Pelan Butterworth Baharu yang merupakan pelan pembangunan semula bandar Butterworth. Selain itu, penganjuran Butterworth Fringe Festival yang berbentuk kesenian, budaya dan warisan adalah satu inisiatif untuk merancakkan lagi misi pembangunan semula bandar Butterworth. Di samping itu juga, ia dapat menggalakkan kemajuan industri pelancongan di Seberang Perai secara khasnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya.



## **15. Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018 (ASPP Awards 2018)**

Objektif utama bagi penganjuran ASPP Awards adalah untuk memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai khasnya berkarya melalui fotografi. Pemilihan tema ASPP Awards 2018 adalah My Sungai Perai dengan memposisikan #MySungaiPerai sebagai tagline di media sosial bermula 1 Julai 2018 sehingga 28 September 2018. Melalui ASPP Awards 2018, peserta dibawa untuk meneroka potensi sungai daripada aspek habitat semulajadi, warisan dan kebudayaan, flora dan fauna, sosio ekonomi serta makanan tempatan di sepanjang Sungai Perai melalui aktiviti fotografi.





**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
[www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my)